

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

SALAM DIHULUR
MAAF DIPINTA...



قَرْدَانِ مَنْتَرِي بَسْرِكْ لَنْتِنِ
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my

QIADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE
KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED قَرْدَانِ مَنْتَرِي بَسْرِكْ لَنْتِنِ

FOCUS
The Migration Myths
Of The Kelantanese

PERSONALITY
YB Dr Mohd Fadzli
Dato' Hj Hassan

DESTINATION
Pantai Suri Homestay

Hijira OF THE KELANTANESE



<http://www.pmbk.gov.my>

FREE ISSUES / PERCUMA



PERUMAHAN **WADI IMAN** FASA II
MUKIM MAHANG WEST, DAERAH KOK LANAS



Wiam
RUMAH TERES SETINGKAT

dari **RM 115,000**
hingga **RM 157,000**



Dzurroh
RUMAH TERES 2 TING.
(JENIS A)

dari **RM 170,000**
hingga **RM 205,000**



Jam'an
RUMAH TERES 2 TING.
(JENIS B)

dari **RM 170,000**
hingga **RM 205,000**

Kemudahan awam tersedia ada seperti sekolah dan kedai-kedai
Menawarkan rekabentuk moden dan luas
Berdekatan dengan Kolej Komuniti dan Politeknik cawangan Kok Lanas



قِسْرِدَانِن مَنْتَرِي بَسْرِكَلَنْتَن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
www.pmbk.gov.my

UNTUK KETERANGAN LANJUT,
SILA HUBUNGI:

09-747 4545
013-907 3209
014-507 9001

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

قريدان منترى بسركالنتن

Ketua Editor

Ir Hj Mustafa Salleh

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Setiausaha Jawatankuasa Editorial

Sanusi Hj Othman

Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi

Pemangku Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jawatankuasa Editor

Nik Aida Nik Mohamed @ Nik Ahmad

Pengurus Audit Dalaman
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Nazri Deraman

Pengurus Projek
Tunjong Development Corporation Sdn Bhd

Che Adnan Che Daud

Pemangku Pengurus Besar
DD Multimedia Solution Sdn Bhd

Saif Mamat

Pengurus Operasi
DD Multimedia Solution Sdn Bhd

Penyelaras Editorial

Shariah Derahman

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pereka Grafik & Layout

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pembantu Penyelaras Editorial

Siti Norazami Mohd Anuar

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pereka Bersama

Mohd Muhaimin Mohd Aripin Snap La! Group

Fathi Shafiq Ahd Suhami Opaq Studio

Nor Adani Syamimi Ahmad Kamil

Mohd Faris Ahamad Dusuki

Penulis

Rosli K. Matari

Penulis Bersama

Zailani Mohamad | Salma Husain

Ustazah Noraima Mohamed Nor

Shariah Derahman | Zanazanzaly

Abdulhadi Muhamad | Abd Halim Bashah

Usman Ibrahim | Nazri Abdullah

Jurugambar

Ahmad Na'ime Muhammad

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar Bersama

Fathi Shafiq Ahd Suhami Opaq Studio

Nazri Abdullah

Diterbitkan oleh

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Tel : +609-747 4082

Faks : +609-747 7815

Website : www.pmbk.gov.my

Pengiklanan, Pemasaran & Promosi

Jabatan Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tel : +609-747 4082

Dicetak oleh

Rosham Corporation Sdn Bhd

3529-D, Jalan Sultanah Zainab

15000 Kota Bharu, Kelantan

Tel: +6019 988 3658

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

SENARAI EDARAN

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | Urusetia Penerangan Negeri Kelantan | Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi | Syarikat swasta terpilih | Muzium Negeri | Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam | Syarikat-syarikat Swasta terpilih | Perhotelan dan Agensi-agensi Pelancongan | Kedutaan-kedutaan Malaysia terpilih dan Suruhanjaya Tinggi | Kedutaan-kedutaan Asing | Institut Pengajian Tinggi terpilih dan Majlis Pelajar-pelajar | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian di dalam majalah ini sama ada artikel, gambar dan isi kandungan dicetak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak PMBK. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Semua bahan penerbitan yang dikirimkan kepada PMBK akan menjadi hak milik PMBK. Sebarang pertanyaan berkaitan editorial dan pengiklanan serta edaran perlu di alamatkan kepada PMBK. Sidang redaksi menyediakan hak-hak untuk pengedaran dan / atau menulis semula semua bahan menurut keperluan penggunaan penerbitan.



SIRIM
(Malaysia)

DIPERCAYAI SEJAK TURUN TEMURUN

Minyak mestika, minyak gosok yang digunakan secara tradisional untuk melegakan sakit otot, sakit sendi, terseliuh, sakit perut, kencing perut, kanak-kanak kencing malam dan digigit serangga.



Pengilang:

CHE MAH & SONS SDN BHD (278832-A)

Lot 2959, Kg. Simpang Empat, 17000 Pasir Mas, Kelantan

Tel/ Faks: 09-794 3696

Pengedar:

MINYAK MESTIKA MARKETING SDN BHD (585176-M)

No. 5, Wisma MDT, Jalan Puteri Saadong, 16250 Wakaf Bharu, Kelantan

Tel: 09-719 1332 Faks: 09-719 9925



Boleh didapati di kedai-kedai runcit, toko jamu, kedai ubat cina, farmasi dan MYDIN



COVER PAGE: HIJRA OF THE KELANTAN

QIADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قِرَادَانْ مَنَتَرِي لِسَرَكْ لَنْتَانْ

Is it true that Kelantanese had to migrate because of the state of Kelantan is so poor? This issue, ever since till now, not yet find any conclusion. Even the most obvious, is often to be made as one of the political issued as the most important and popular, especially when its near election. This issue quite interesting to think about especially with rational, fair and wise.

PERISTIWA

08



LADANG KELAPA SAWIT BARU

FOKUS

12



MITOS HIJRAH ORANG KELANTAN

VARIASI

22



MENGAPA BERHIJRAH?

VAIASI

28



HIJRAH PERSPEKTIF ISLAM

VARIASI

32



PUSAT DAKWAH NUSANTARA

PEMIMPIN

36



YB DR MOHD FADZLI

PAST MOMENT

42



BUNGA MAS

TOKOH

46



HAJI ISMAIL PONTIANAK

HERITAGE

50



RATTAN

DESTINATION

54



PANTAI SURI TUMPAT

MAKANAN

58



LAKSAM

JENAMA KELANTAN

62



MH MOHD

KELANTAN SANA-SINI

66



ROTI TEMPAYAN

INSPIRASI KELANTAN

70



CEO JARING

PUISI

74



ZIARAH KELANTAN

AKTIVITI PMBK

76



IFTAR JAMA'I'E

AKTIVITI PMBK

80



SKIM IMAM AL-GHAZALI

AKTIVITI PMBK

82



LAWATAN PMBK KEDAH.

AKTIVITI PMBK

84



RUMAH KOS RENDAH

AKTIVITI PMBK

86



DELEGASI SINGAPURA

AKTIVITI PMBK

88



KELCHEFF 2011 & PERAKAN

TEROWONG MASA

90



TEROWONG MASA

KELANTAN ENCYCLOPEDIA

94



KELANTAN ENCYCLOPEDIA

PERITIWA

PMBK Sawit Sdn Bhd mengorak langkah ke hadapan dalam industri perladangan dengan menambahkan keluasan ladang sedia ada kepada jumlah keseluruhan ladang 26,300 ekar apabila YIK memberikan kepercayaan kepada syarikat untuk menguruskan 8000 ekar tanah ladang sawit. Dengan keluasan keseluruhan ini, 50% daripadanya adalah bertanam dan selebihnya akan dibangunkan.

Untuk tahun 2011, dengan keluasan ini PMBK SAWIT menjangka akan memperoleh pendapatan sebanyak RM30 juta sekiranya harga komoditi kelapa sawit dan getah kekal stabil di paras ketika ini iaitu di sekitar RM800/mt dan RM13/kgk.

Semestinya perkembangan PMBK SAWIT ini akan memberikan impak yang baik kepada kerajaan negeri khasnya apabila syarikat mensasarkan sumbangan kepada kerajaan negeri akan meningkat daripada RM4 juta pada tahun 2010 kepada RM6 juta untuk tahun 2011.



Mutiara Kata

Nota Ketua Editor

"Saya bercakap dalam majlis sulit serupa bercakap depan ramai, saya ada lidah sebatang dan seketul hati, apa yang bercakap depan ramai serupa dengan sulit."

-Penjelasan oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat berkaitan pertemuannya dengan Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di ibu kota yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada 24 Disember 2010.

"Usahkan *blogger*, anak kita pun kalau buat salah kita marah. Kita bagi penerangan, sama ada dia nak dengar atau tidak, itu dia punya pasal."

-Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengingatkan *blogger* di negara ini supaya tidak menulis isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat. Beliau berkata kepada media selepas menyampaikan ceramah mingguan di Medan Ilmu, Kota Bharu pada 14 Januari 2011. Peringatan beliau bagi menyedarkan golongan *blogger* agar tidak menyalahgunakan kemahiran dan kemajuan teknologi sehingga menyinggung perasaan pihak lain.

"Langkah ini sebagai membawa seguni beras. Sekiranya tidak mampu membawanya, maka diambil secupak demi secupak hingga habis."

-Penjelasan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 16 Januari 2011 mengenai keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengambil keputusan melaksanakan Hukum Hudud secara berperingkat-peringkat kerana tidak mahu Perlembagaan Negeri Kelantan digantung sekali lagi seperti yang pernah dilakukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada sekitar tahun 1977.



Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat

Kelantan bukanlah sebuah negeri yang tersangat-sangat miskin, sebagaimana yang didegar-degarkan oleh kalangan pemimpin politik dan pihak berkepentingan tertentu. Statistik pun tidak menunjukkan kemiskinan Kelantan bagai anak tangga yang paling bawah hampir rapat ke tanah. Tidak pernah ada rakyat di bumi bertuah Kelantan ini kebuluran sehingga membawa tempurung – kecuali tempurung yang dibawa oleh kanak-kanak, tradisi di Kelantan, pada musim bubur as-syura (Muharram).

Sifat dan sikap orang Kelantan suka berhijrah bukanlah perkara baharu sehingga sangat mengejutkan dan menakutkan. Semaklah sejarah sosio-budaya orang Kelantan. Amalan berani, berfikiran jauh, pintar meneroka peluang dan suka mencari pengalaman baharu ini sudah lama berdarah daging dalam diri orang Kelantan. Jika diperhatikan, orang Kelantan ada di pelusuk negara, di jabatan, organisasi, institusi, kedai-kedai dan sebagainya. Orang Kelantan adalah antara orang Melayu yang melopor budaya niaga untuk bersaing dengan bukan Melayu. Bukan kerana mereka tidak dapat mencari makan di negeri sendiri. Apa yang penting ialah pandai berdikari dan bijak memajukan diri. Seumpama semut, sebiji gula di hadapan diri sudah dipungut, tetapi jika masih ada lagi walaupun jauh di hadapan, adakah tidak boleh dipungut lagi?

Anehlah, jika ingin dianggap orang Kelantan berhijrah walau ke mana untuk meneroka peluang dan memajukan diri adalah salah. Sedangkan, Baginda Nabi Muhammad SAW sendiri pernah berhijrah dari Mekah ke Madinah untuk kepentingan masa depan Islam. Tetapi isu hijrah inilah digendangkan bertalu-talu oleh kalangan pemimpin politik dan golongan tertentu – seolah-olah hijrah itu salah. Seolah-olah orang Kelantan haruslah duduk di dalam negeri Kelantan dan tidak boleh ke mana-mana, hatta jika ingin pergi menjual jagung manis dan ubi madu di Kuala Lumpur.

Salam hormat



Ir Hj Mustafa Salleh



MITOS HIJRAH ORANG KELANTAN

Oleh Rosli Nik Mat

Isu ini, sejak dulu sampailah sekarang, tidak pernah menemui noktahnya. Malah paling ketara, sering ditimbulkan dan dijadikan salah satu modal politik yang cukup penting dan popular, terutama untuk didedegarkan pada setiap kali menjelang detik pilihan raya.

Tidak hanya sekadar suara lantang yang dilayangkan oleh para pemimpin politik dari luar Kelantan, malahan media perdana juga akan ikut menjadi "pak turut" mewar-warkan isu ini. Bahkan, tidak cukup dengan sekadar itu sahaja, sesetengah pemimpin politik daripada kalangan anak negeri Kelantan sendiri pun tidak akan segan silu "menahan lukah di pergetingan" untuk turut mengambil kesempatan mempermainkan isu yang sengaja diperbesar-besarkan ini.

Sikap sedemikian daripada kalangan sesetengah pemimpin politik dari Kelantan ini, sudah tentulah sangat merawan hati, justeru mereka tidak ubah seumpama 'anak derhaka' yang menyelar 'ibu kandung'nya sendiri. Hal ini, tidak lain dan tidak bukan, adalah semata-mata kerana motif ghairah mengejar kepentingan dan kedudukan dalam catur politik.

Namun, sejarah politik menyaksikan kebanyakan 'anak derhaka' ini akhirnya tidak juga berjaya menggapai mercu tinggi, menerima balasan nasib 'dianaktirikan', malahan menjadi "puntung hanyut" yang tidak ke tepian dalam gelombang politik. Agaknya, inilah balasannya, jikalau mengutuk dan menghina "ibu kandung" sendiri.

Benarkah "orang Kelantan terpaksa berhijrah" atau "anak Kelantan harus merantau" untuk mencari rezeki – mendapatkan sesuap nasi dan seteguk air – di segenap pelosok negara, khasnya di ibu kota, semata-mata kerana faktor negeri Kelantan miskin? Inilah hakikat yang cukup menarik untuk direnungi secara rasional, saksama dan bijaksana.

Jika ditelitikan secara bijaksana, persoalan ini sebenarnya adalah sangat relatif. Tohmahan untuk terus secara melulu menganggap "orang Kelantan terpaksa berhijrah" atau "anak Kelantan harus merantau" semata-mata kerana faktor negeri Kelantan adalah miskin tidak semestinya tepat atau benar. Memanglah pada hakikatnya, Kelantan bukanlah sebuah negeri terkaya di negara ini. Namun demikian, Kelantan bukanlah pula merupakan sebuah



Asia Tenggara, iaitu 'Sriwijaya' (Shih-li-fo-shih) (abad 7 – 13 Masihi) – justeru Sriwijaya Awal ini adalah berpusat di Kelantan (sebelum 12 tahun kemudian, perubahan dan peluasan jajahan takluknya ke Selatan Sumatera: Palembang/Jambi, Indonesia bermula pada tahun 683 Masihi).

Tanpa dukungan kepesatan sektor perniagaan lokal dan perdagangan melalui pelabuhan entrepot, sebagai salah satu faktor terkuat bagi kemajuan, sudah tentulah empayar Sriwijaya Awal ini tidak akan muncul dalam sejarah.

Bahkan, (memadai) jika hanya sekadar berdasarkan dua sumber catatan oleh seorang pengembara yang juga adalah sarjana Buddha dan sejarawan China, I-Ching yang pernah bermaustatin di Sriwijaya Awal (Kelantan) ini pada tahun 671 Masihi dan 685 Masihi, jelas bahawa empayar ini sudah muncul tidak kurang daripada 700 tahun (bahkan, mungkin 1,000 tahun) lebih awal, berbanding Kerajaan Melaka yang turut dibanggakan sebagai kerajaan maritim dan pusat perdagangan entrepot terbesar di rantau ini.

Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman (1999, dlm. Awang Sariyan) menjelaskan, sebagai kuasa maritim atau kelautan, Sriwijaya berjaya membentuk sistem ekonomi yang kukuh, dengan memiliki pelbagai sumber untuk memenuhi keperluan perdagangan Timur-Barat. Penguasaan ke atas Kedah, Caiya, Takuapa dan beberapa pelabuhan lain meningkatkan Sriwijaya sebagai pelabuhan yang ulung di Asia Tenggara. Dengan peranan Sriwijaya sebagai pusat pelabuhan Timur-Barat, untuk kali pertama konsep pelabuhan entrepot wujud di Asia Tenggara.

Menurut Nik Hassan Suhaimi lagi, sebagai entrepot utama, Sriwijaya berperanan sebagai pusat pembekal dan pengedar hasil Asia Tenggara dan juga hasil dari Timur Tengah, India dan China. Fokus perdagangan bertumpu di kawasan barat daya Sumatera, Sambas dan Pontianak (Borneo), Jawa dan kepulauan Timur, utara Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan pedalaman serta lembah Sungai Irrawaddy. Namun, signifikan yang lebih besar lagi, Awang Sariyan (2008) merumuskan bahawa antara kerajaan-kerajaan Melayu awal, Sriwijayalah yang dianggap lebih banyak menjadi asas pembentukan tamadun Melayu awal.

Jelas, sepanjang tujuh abad kegemilangan Sriwijaya di rantau ini, peranan penting Kelantan sebagai pencetus empayar terbesar ini tentulah tidak dapat dinafikan, justeru titik tolak kemunculan Sriwijaya Awal adalah bermula di Kelantan.

Ketika Munsyi Abdullah berkunjung ke Kelantan pada sekitar tahun 1800 dahulu, beliau dikejutkan oleh suatu pengalaman baharunya. Justeru, beliau mendapati kaum wanita Kelantan penuh di pasar – bukan untuk membeli-belah, tetapi sebaliknya kerana gigih berniaga. Dalam autobiografi yang menjadi magnum opus terkenalnya, Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan, beliau mencatat:

Sehubungan dengan hal ini, satu-satunya soalan paling dasar yang harus dikemukakan dan dijawab di sini ialah:

"Adakah terdapat mana-mana anak negeri lain yang tidak berhijrah untuk cuba mencari peluang rezeki di merata-rata tempat di dalam negara ini?"

Tanpa memerlukan huraian panjang lebar, jawapannya tentulah: "Tidak!"

Hakikat sebenarnya ialah orang yang: (1) Bersemangat kental, (2) Berani mencari dan merubah pengalaman, (3) Tegar menghadapi dan mengatasi risiko, (4) Ingin mengejar dan merealisasikan sesuatu cita-cita, serta (5) Bijak mengambil peluang, pasti akan sanggup menimba rezeki dan sebagainya, walau di ceruk mana sekali pun. Oleh itu, bukan hanya orang Kelantan, malah mana-mana anak negeri lain pun (akan) turut berada di segenap ceruk dan pelosok tanah air ini, jika mereka (ingin) mengambil langkah berhijrah, berdasarkan sebarang faktor disebutkan di atas.

Namun, memanglah diakui oleh sejarah dan bukti sosio-budaya, orang Kelantan agak unik, justeru minat dan semangat kental mereka dalam dunia perniagaan sejak zaman dahulu sampailah sekarang. Hal inilah sebenarnya yang sering disalah pandang (dan disalah tanggap) sehingga menyebabkan segelintir orang (atau masyarakat umum) menyangka, Kelantan sangat miskin, sehingga menyebabkan "orang Kelantan terpaksa berhijrah" atau "anak Kelantan harus merantau" jauh untuk mencari rezeki.

Walhal, sejarah cukup membuktikan bahawa tradisi dari segi minat, rajin, gigih, tekun, kuat dan pintar berniaga dalam kalangan orang Kelantan sudah berakar umbi, menjadi darah daging dan tegar sebagai tradisi yang kukuh dan teguh sejak zaman-berzaman dahulu lagi.

(Bukti) hal ini, paling lewat pun, kalau berdasarkan Abdullah Mohamed (Nakula) (1984), jika dikesan dalam separuh yang kedua dari Abad ke-7 Masihi, sudah boleh ditinjau melalui kewujudan atau kebangkitan sebuah negara baharu yang kemudiannya menjadi satu empayar terbesar dalam

"Kemudian berjalanlah sahaya [saya - p.] ke pasar bersama-sama Tengku Temena itu. Maka sahaya lihat penuhlah pasar itu dengan perempuan; dan segala yang berkedai dan berjaja itu perempuan belaka. Maka adalah tempat mereka itu berkedai, pondok-pondok atau berkeliling kiri kanan."

Hal ini jelas menunjukkan bahawa kaum wanita Kelantan sangat gigih berniaga, selain suami yang bertungkus-lumus bekerja atau ke laut.

Tradisi kegigihan wanita Kelantan yang pernah ditemui dan dilihat oleh Munsyi Abdullah, sejak lebih 200 tahun itu dahulu, sampai kini masih lagi tetap kekal dan boleh dilihat di segenap pelosok Kelantan, terutama sekali di Pasar Besar Kota Bharu yang kini sudah digelar nama Pasar Siti Khadijah (bersempena nama isteri Rasulullah SAW yang pernah aktif dan bijak dalam perdagangan).

Berdasarkan kegigihan wanita Kelantan berniaga, pada atau semenjak zaman tradisional itu, tidaklah tepat jika ingin ditohmahkan pula dengan andaian bahawa kaum lelaki Kelantan adalah pemalas. Hal ini harus turut diteliti sepenuhnya dari aspek tradisi, hati nurani, akal budi dan corak budaya hidup orang Kelantan.

Justeru, pada zaman tradisional itu, selain gigih bekerja, lelaki Kelantan juga sangat peka, berminat dan mahir dalam segenap aspek kesenian, kebudayaan dan permainan tradisional. Malah, sesetengah jenis permainan dan pertandingan tradisional itu adalah sangat hebat dan luar biasa. Salah satu contohnya ialah laga kerbau dengan harimau, meskipun hal ini dalam perspektif kini tentulah merupakan suatu gejala negatif.

Pendek kata, lelaki Kelantan dan warisan kebudayaan - malahan sampai sekarang - memang sangat sukar dipisahkan. Oleh hal yang demikian, jika lelaki Kelantan aktif dalam sebarang bentuk aktiviti kesenian, kebudayaan dan permainan tradisional, hakikatnya bukanlah kerana mereka malas bekerja. Justeru, hal ini adalah pengisian masa senggang. Manakala kaum perempuan Kelantan pula, sejak zaman tradisional itu, terbukti sudah sangat gigih membantu suami, termasuklah rajin dan pandai berniaga.

Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi (1984) pula dalam sebuah esainya menjelaskan bahawa orang Kelantan/Pattani sejak dahulu sampai sekarang suka merantau dengan berbagai-bagai tujuan, mengadu untung, mencari tempat kediaman baharu, meneroka hutan belantara, menuntut ilmu, mengajar dan berdagang. Pada zaman dahulu, mereka belayar jauh [dengan hanya menggunakan - p.] perahu pinis ke Palembang, Aceh, Jawa, Kalimantan, Bangkok, Saigon, Kemboja dan juga Sulawesi.

Sehingga kini, kekayaan hasil sumber negeri dan ditambah lagi oleh kemahiran anak negeri Kelantan dalam pelbagai aspek yang boleh dijadikan peluang dalam sektor niaga, memberikan dan membuka peluang luas pintu rezeki. (Itulah sebabnya) sebagai contoh, salah satu caranya ialah orang Kelantan akan membawa hasil niaga daripada sumber kekayaan dalam negeri dan hasil kemahiran dalam pelbagai aspek ini ke luar Kelantan untuk menjangkau pasaran yang lebih luas.

Contohnya, Kelantan sangat terkenal dengan sektor niaga berasaskan kesenian seperti batik dan songket, ketukangan emas, perak, tembaga dan besi, ukiran kayu dan lain-lain lagi. Tidak hanya berniaga di dalam negeri, orang Kelantan juga gigih berhijrah dan merantau ke segenap pelosok tanah air untuk memasarkan semua bahan niaga ini. Bukan sahaja secara besar-besaran, malahan juga akan sanggup memasarkannya di pasar malam, menjaja, hatta secara bayaran ansuran bulanan.

Dari sisi lain, pandangan yang pernah diberikan oleh usahawan terkemuka Kelantan yang berjaya di luar Kelantan, Datuk Hussamuddin Yaacob (Pengarah Urusan, Kumpulan Karangkrak Sdn. Bhd.), ketika diwawancara oleh Dinsman (2010), juga sangat menarik untuk direnungi.

Mengapa orang Kelantan suka merantau dan bekerja di luar Kelantan, Hussamuddin menjelaskan: "Ini adalah fitrah kita sebagai manusia. Cina yang di negeri China belum tentu berjaya, tetapi di sini kerana mereka merantau, mereka lebih berjaya. Kebarangkalian orang yang merantau itu berjaya jauh lebih besar kerana mereka terpaksa berjuang lebih. Kalau kita baca sejarah orang Arab dulu-dulu, mereka juga mengembara dan dapat membuka daerah baru dengan cara merantau."

Berhubung tohmahan, kononnya, Kelantan ketinggalan dalam pembangunan, beliau menerangkan: "Dari segi fizikalnya itu betul. Tapi orang Kelantan tak susah kerana mereka mempunyai jati diri dan keusahawanan yang tinggi. Sebab itu kita tengok di mana sahaja di Kelantan ada orang menjual. Setiap 100 meter, di Jalan Pengkalan Chepa, misalnya, ada orang perempuan duduk di belakang periuk, menjual. Fenomena ini tak ada di tempat lain."

"Dan kalau tengok rumah-rumah di Kelantan, saya kira [fikir - p.] di Kelantanlah paling banyak banglo yang sudah terbayar, bukan hutang bank, yang dimiliki oleh orang Melayu. Pasal apa? Tanah dia sendiri, dia beli barang sendiri, dia upah orang buat. Begitu juga kereta Mercedes dan sebagainya banyak di Kelantan. Ertinya dari segi ekonomi tempatan, saya salute mereka," tegas beliau.

Kesimpulannya, jika kini, anak Kelantan (atau mana-mana anak negeri lain sekalipun) berhijrah atau merantau ke mana-mana ceruk tanah air, hakikatnya bukanlah kerana faktor negeri asal mereka sangat miskin. Sebaliknya, sebagaimana dijelaskan di atas, mereka sebenarnya adalah golongan individu yang bersemangat kental, berani mencari dan merubah pengalaman, tegar menghadapi dan mengatasi risiko, ingin mengejar dan merealisasikan sesuatu cita-cita serta bijak mengambil peluang.

Oleh yang demikian, tanpa mempedulikan mitos hijrah yang sering ditohmahkan dengan apa alasan sekalipun, mereka akan tetap mengintai peluang dan menimba rezeki, walau di ceruk mana sekali pun di tanah air ini.

Rujukan:

Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1984, "Sejarah Hubungan Kelantan/Pattani dengan Sulawesi Selatan," dalam *Warisan Kelantan (III)*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Abdullah Mohamed (Nakula), 1984, "Sriwijaya Awal," dalam *Warisan Kelantan (III)*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Awang Sariyan, 1980, "Mempertahankan Bahasa Negara di Malaysia," dalam Zainal Kling (ed.), *Kemerdekaan & Perhambaan*, Kuala Lumpur: GAPENA.

Dinsman, 1431 Hijrah, "Datuk Hussamuddin Yaacob: Trend Setter dengan 30 Majalah Karangkrak," dalam *Qiadah: Edisi Ke-6*.

Kassim Ahmad, 1981, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (Lihat juga: edisi J. Pijnappel, 1855, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan, Leiden*).

“Orang Kelantan/Pattani sejak dahulu sampai sekarang suka merantau dengan berbagai-bagai tujuan, mengadu untung, mencari tempat kediaman baharu, meneroka hutan belantara, menuntut ilmu, mengajar dan berdagang”





According to Nik Hassan Suhaimi, as the main entrepôt port Sriwijaya was the centre for the distribution and supply of products around South-East-Asia and from the Middle East, India and China. The focus of commerce was centered at the south-western region of Sumatera, Sambas and Pontianak (Borneo), Java and Timor Archipelago, the northern part of Peninsular Malaya and the hinterland of the Irrawady River. However, to a larger significance, Awang Sariyan (2008) concluded that among the early Malay sultanates, Sriwijaya is said to have laid the foundation for early Malay civilisation.

Therefore, for seven centuries of Sriwijaya golden years of rulings in the region, the vital role of Kelantan as the centre of the Sriwijaya Empire cannot be denied for the emergence of Early Sriwijaya actually began in Kelantan.

At the time when Munshi Abdullah visited Kelantan around the 1800s, he was awakened by an all-new experience. He observed Kelantanese women in the marketplace - not to shop, but they were engrossed in trading their goods. In his autobiography which became his famous magnum opus, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan*, he noted:

"Then, I walked to the marketplace together with Tengku Temena. I saw the marketplace full of women; the shopkeepers, hawkers and traders were all women. They conducted their business in the shops, under sheds and all round, left and right."

This clearly indicates that the Kelantanese women conducted business and trade while their husbands toiled at their jobs or were out at the seas.

The tradition of the hardworking Kelantanese women as seen by Munshi Abdullah, since 200 years earlier, can be seen until today everywhere in the state of Kelantan, especially at the Kota Bharu Central Market which has been renamed Pasar Siti Khadijah (named after the wife of Prophet Muhammad SAW who used to be a genius actively involved in trading).

Based on the hardworking nature of the Kelantanese women over the centuries, therefore it is not accurate to accuse the males of Kelantan as being lazy. This must be studied wholly from the aspects of tradition, character, temperament and the way of life of the Kelantan people.

Traditionally, other than working hard at their jobs, the Kelantanese males were insightful and had shown interest in the aspects of performing arts, culture and traditional games. In fact, some of the traditional games and competitions were so outstanding and amazing. One such example is the buffalo-tiger fight, although, when seen in the current perspective, might be considered a negative element.

Admittedly, based on historical and socio-cultural facts, the Kelantanese are unique hence their deep interest and strong passion for business through the passage of time. This had been misinterpreted (and thus misconstrued) and then led to a group of people (or society at large) to believe that Kelantan is such an underprivileged state so much so "the Kelantanese must migrate" or "young Kelantanese have to travel" in search for their livelihood.

History has proven that by tradition, the Kelantanese have always been hardworking, conscientious and business-minded, these brilliant qualities have been ingrained strongly in their culture and everyday living.

This scenario as cited by Abdullah Mohamed (Nakula) (1984), could be traced to the second half of the 7th Century A.D. during the rise of a new nation which later expanded into an empire in South-East-Asia, that is "Sriwijaya" (Shih-li-fo-shih) (7th Century -13th Century A.D), where the Early Sriwijaya was centered in Kelantan (12 years later, it changed and expanded to other territories in Southern Sumatera, Palembang/Jambi, Indonesia beginning in 683 A.D). The Early Sriwijaya Empire would not have existed in history had it not been for the flourishing local business and trading activities through the entrepôt port which was a crucial factor for growth.

In fact, (if it is sufficient) based on two sources of jottings by I-Ching, a traveller who was a Buddhist scholar and Chinese historian, and who lived in Early Sriwijaya (Kelantan) in the years of 671 A.D and 685 A.D., it was clear that the empire had existed 700 years (or more) earlier than the Melaka Sultanate which was then the largest maritime force and commercial entrepôt port centre in the region.

Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman (1999, in Awang Sariyan) explains, as a maritime force, Sriwijaya had successfully developed a strong system of economy, possessing various resources to meet the East-West commercial needs.

Its stronghold on Kedah, Caiya, Takuapa and a few other ports made Sriwijaya a very important port in South-East Asia. The first concept of an entrepôt port thus existed in South-East Asia with the help of Sriwijaya as the central port of East and West.



THE MIGRATION MYTHS OF THE KELANTANESE

By Rosli Nik Mat

The issue of "the Kelantanese must migrate" or "the youths of Kelantan have to travel" has often been linked to hearsay, citing the main factors for the drift as (1) Kelantan being a destitute state, (2) lacking in competitive edge (3) job opportunities are limited.

This is a long-standing issue with no end in sight. It is very obvious that this issue has been turned into a pertinent and rather popular political spin especially to be sung out loud ahead of the elections.

The issue is not only voiced out among politicians outside Kelantan, but it is being parroted by the mainstream media. To add salt to the injury, some Kelantanese politicians are shameless enough to grab every opportunity to turn this issue to a grand scale. This stance among some of the Kelantanese political leaders is rather saddening; they made it sounds as if a 'son' is being treacherous to his own 'mother'.

Of course, they are obsessed with their own motives in their chase for personal gains and ranks in their political game. However, history has proven that most of these 'treacherous children' will in the end failed to be on top, being () and riding the endless wave of politics. Does that mean these 'children' are being punished for insulting their own 'mother'?

Is it true that "the Kelantanese must migrate" or "the young Kelantanese must travel" in search for a living to other parts of the country, especially to the capital, just because Kelantan is a poor state? This is a very interesting fact to be reflected upon rationally, fairly and wisely.

Looking from a different point of view, the issue could be highly relative. The allegations above are not true. Though Kelantan is not the richest, certainly, it is not the poorest.

Consequently, to counter this issue, the only question that can be raise to all parties is: "Had there not been other native youths who had not relocated in search for a better life elsewhere in this country?" Without any need for further explanation, the answer is a definite "No!"

Actually, people who are: (1) strong-willed, (2) brave to explore and gain new experiences (3) risk-takers, (4) ambitious (5) quick to seize opportunities, will go anywhere in search for their livelihood. Hence, based on these factors, it is a fact that people from the other states and not only the Kelantanese, had left their homes in search for a better life elsewhere in the country since forever.

In short, the males of Kelantan and their cultural legacies cannot be set apart from each other. If the males of Kelantan are actively involved in arts, culture and traditional games, it is not because they are lazy to work. These activities make up their pleasurable hobbies after a hard day's work. It has been proven through the ages that the women folks of Kelantan work hand-in-hand to make ends meet, and they conduct businesses as a way of helping their husbands.

Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi (1984) in his essay explains that it is in the blood of the Kelantanese/Pattani to travel for various reasons such as to try their luck, to find new places to live, to explore the jungles and forests, to seek knowledge, to disseminate knowledge and to trade. In ancient times, they sailed afar in pinis boats to Palembang, Aceh, Java, Kalimantan, Bangkok, Saigon, Cambodia and also Sulawesi.

Until today, the riches from the state's natural resources together with the knowledge and expertise of the Kelantan youths in various fields could well be a basis for profitable trade. (That is why) as an example, the well-travelled Kelantanese take the commodities from their home state and use their different skills and knowledge of trading to capture a wider market.

For example, Kelantan is well-known for its arts-based business sector such as batik and songket, gold and silverwares, bronze and iron wares, wood carving and others. Not only do they sell within the state, the Kelantanese migrate to different corners of the country to trade. While some do so on a large scale, there are some who carry out business at the night markets and in fact, there are some who do so on credit basis.

From another angle, the view given by Datuk Hussamuddin Yaacub (Managing Director, Kumpulan Karangraf Sdn. Bhd.) in an interview given by Dinsman (2010) is interesting to reflect upon.

On why the Kelantanese like to travel and work outside Kelantan, Hussamuddin explains: "It is human nature. The Chinese in China may not be as successful, but they are very successful here because they have migrated. The probability of migrants to succeed is higher because they have to work twice as hard. If we read the history of the Arabs, they also travelled and opened new colonies along the way."

With regard to allegations that Kelantan is lacking in development, he explains: "This is true from the physical aspect. But, it has never been difficult for the Kelantanese for they possess a strong sense of dignity, self-respect and entrepreneurship quality. This is why you can see Kelantanese trading everywhere.

For every 100metres along the Pengkalan Chepa Road, for example, there is a woman seated behind large pots, selling food. This phenomenon cannot be seen at other places.

"And if you look at the houses in Kelantan, I reckon [think-writer.] In Kelantan there are many bungalows that have been paid for, these are not on bank loans, which are owned by the Malays. Do you know why? It's their land, they purchased the materials themselves, and they hired people to do the job. It's the same with the Mercedes and many other types of cars, there are just too many of these in Kelantan. Well, from aspect of the local economy, I salute them." he said.

In conclusion, now, if a Kelantanese (or anyone from any other state for that matter) migrates or leaves his home state to travel to other corners of this country, it has nothing to do with the state being poor. In fact, as has been explained earlier, they belong to the group of individuals who are strong-willed, brave, and courageous and dare to seek new experiences and dare to take risks, they have the will to pursue and realise their ambitions and seize opportunities. Therefore, without paying heed to the myths and allegations, they will be on the look out for every opportunity in search for their livelihoods, regardless the location.

“ The Kelantanese/Pattani to travel for various reasons such as to try their luck, to find new places to live, to explore the jungles and forests, to seek knowledge, to disseminate knowledge and to trade. In ancient times, they sailed afar in pinis boats to Palembang, Aceh, Java, Kalimantan, Bangkok, Saigon, Cambodia and also Sulawesi //

Synopsis

Do Kelantanese really have to migrate for a better future? Is it true that the state don't provide enough opportunities for the youths? These questions had long been debated among the outsiders who don't seem to understand why more Kelantanese are living outside the state. History has proven that by tradition, the Kelantanese have always been hard-working, conscientious and business-minded so there is no reason why we can't go beyond the state borderline to realise our ambitions and seize the opportunities.





AIDILFITRI DIRAI
KEBERKATAN DICARI

Salam *Aidilfitri* Maaf Zahir dan Batin



قَرِّبْنَا مِنْ مَنَتْرِ بَيْتِكَ لِنَتَقَرَّبَ
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
www.pmbk.gov.my

daripada
Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Dan Kakitangan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Bersama Anak Syarikat



كَانَتْ نَبِيَّ مُحَمَّدٍ كَانَتْ نَبِيَّ الْقُرْآنِ
KELANTAN MEMBINA GENERASI AL-QURAN

MENGAPA BERHIJRAH?

Oleh: Dr Abdul Aziz Mahmood

Setiap individu akan sentiasa bergerak dalam hidup ini. Salah satu unsur pergerakan ini adalah melibatkan lokasi dan tujuan tertentu. Demikianlah juga halnya dengan sesuatu penghijrahan oleh individu atau berkelompok.

Tanpa faktor tolakan dan tarikan, individu atau kelompok ini tidak akan bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi lain untuk mendapatkan dan memenuhi objektiviti tertentu itu.

Demikianlah juga, jika hal ini dihubungkan dengan penghijrahan dalam kalangan segelintir penduduk Kelantan, atau penduduk mana-mana negeri sekalipun.

Andainya, penghijrahan ini ingin dilihat dari segi faktor mencari peluang rezeki- pekerjaan atau perniagaan, hal ini juga sewajarnya dilihat dari aspek faktor tolakan dan faktor tarikan.

Dalam konteks ini, justeru negeri Kelantan sering dilaung-laungkan oleh golongan tertentu sebagai negeri yang miskin dan didakwa ramai anak negeri terpaksa berhijrah ke merata-rata tempat lain- khasnya ke ibu kota semata-mata kerana faktor kemiskinan negeri, maka hal ini haruslah diperbincangkan secara saksama.

Dari segi faktor tolakan, kemiskinan memang boleh dilihat sebagai salah satu faktor menyebabkan penghijrahan. Namun, adakah hal ini cukup tepat untuk dikaitkan dengan negeri Kelantan? Kemiskinan tegar boleh mengakibatkan seseorang itu tidak cukup makan, kebuluran dan kematian.

Akan tetapi, belum pernah dilaporkan dalam mana-mana media perdana di negara ini, sejak berpuluh-puluh tahun dahulu sampailah sekarang, bahawa ada penduduk Kelantan yang telah meninggal dunia kerana tidak cukup makan atau kebuluran.



Sebenarnya, dalam hal ini, cara mentafsir kemiskinan itulah yang pada hakikatnya adalah tidak tepat. Dalam erti kata, seolah-olah setiap orang mestilah orang kaya.

Tetapi hakikatnya, adakah semua orang berjaya menjadi hartawan atau jutawan? Ketidaktepatan mentafsir kemiskinan inilah menyelewengkan pemikiran. Apatah lagi, jika ingin sengaja digunakan untuk agenda muslihat politik.

Dalam struktur kehidupan masyarakat, realitinya akan ada tiga klasifikasi berikut: (a) Golongan Miskin, (b) Golongan Sederhana, dan (c) Golongan Kaya. Tetapi di negara ini, justeru muslihat propaganda politik, khasnya untuk 'menyerang' politik di Kelantan, klasifikasi ini telah sengaja ditafsirkan dan dijadikan oleh pihak tertentu sebagai terdiri daripada dua kategori berikut sahaja, iaitu: (a) Golongan Miskin, dan (b) Golongan Kaya. Ke manakah menghilangnya kategori Golongan Sederhana?



Jelas bahawa pemikiran rakyat, khasnya terhadap penduduk di Kelantan, cuba diselewengkan oleh pihak berkepentingan ini agar menelan bulat-bulat konsep bahawa dalam masyarakat hanya ada dua jenis golongan rakyat, iaitu golongan miskin dan golongan kaya sahaja.

Dengan cara ini, mudahlah bagi pihak berkepentingan dalam agenda politik ini menusuk jarum muslihatnya agar rakyat Kelantan: (a) Menganggap Kelantan adalah sebuah negeri sangat miskin, dan (b) Golongan Sederhana akan merasai bahawa mereka adalah Golongan Miskin.

Sebagaimana telah diterangkan di atas, di Kelantan, pada hakikatnya tidak pernah dilaporkan ada penduduk yang miskin sehingga tidak cukup makan dan seterusnya mengakibatkan kebuluran dan kematian.

Hakikatnya, sebenarnya golongan masyarakat ini adalah Golongan Sederhana, bukan Golongan Miskin sebagaimana pengemis. Dalam kehidupan harian, mereka serba cukup dari segi makan, pakaian dan tempat tinggal (walaupun menyewa). Memanglah kesusahan dan apa sahaja masalah akan sentiasa ada dalam hidup ini.

Tetapi dalam hidup, setiap individu harus gigih bekerja untuk mendapatkan makanan, memiliki pakaian, mempunyai tempat tinggal dan sebagainya. Hujan emas tidak turun dari langit.



Betapa tidak- bukankah, sekiranya kita sudah dapat hidup dalam keadaan serba sederhana, maka hal ini adalah sudah jauh lebih baik daripada hidup berkeadaan miskin? Namun demikian, Islam tetap menggalakkan umatnya agar gigih berusaha.

Malah, memiliki kekayaan tidaklah pula menjadi kesalahan dalam Islam, asalkan sumber kekayaan itu adalah dari punca yang halal dan cara menggunakan harta kekayaan itu tidak pula menyeleweng dari jalan Islam. Hal ini, termasuklah juga untuk membantu golongan daif atau miskin.

Justeru, hidup harus bekerja dari segi mencari rezeki, setiap individu yang gigih akan sentiasa berusaha untuk mencari peluang meningkatkan, mengubah dan memajukan diri.

Jika dikaitkan dari segi peluang mencari pekerjaan atau perniagaan, inilah titik tolak yang menyebabkan sama ada setiap individu itu akan berhijrah ataupun tidak.

Hal ini, bergantung kepada keupayaan individu itu sendiri yang turut melibatkan beberapa faktor tertentu pula. Misalnya, dari segi: (a) Kematangan membuat keputusan, (b) Kebijaksanaan mendapatkan peluang, (c) Kemahiran sedia ada pada diri, (d) Kesediaan modal, jika ingin berniaga, dan sebagainya.

Sebagai suatu contoh mudah, jika individu itu ingin menjual pisang goreng di kawasan tempat tinggalnya, maka ia boleh melakukan usaha niaga di kawasan tempat tinggalnya itu, atau kawasan lain berhampiran.

Tetapi sebaliknya, jika individu itu lebih berminat mahu menjual pisang goreng di Kuala Lumpur, maka ia boleh mengambil keputusannya sendiri untuk cuba berniaga di ibu kota itu.

Keputusan ini tentulah kerana ada kemunasabahannya sendiri, iaitu mungkin kerana potensi jualan pisang gorengnya itu akan lebih laris di sana.

Dalam hal ini, berdasarkan contoh mudah di atas, jika individu tersebut telah berminat untuk mencuba peluang niaganya di ibu kota dengan alasan munasabahnya itu, sudah tentulah bukan pula suatu langkah yang bijak sekiranya kita menasihatinya agar jangan sesekali cuba berniaga di ibu kota.

Apatah lagi, jikalau kita berusaha menghalang atau mencegahnya pergi ke sana dengan alasan: "Kamu mesti berniaga di kampung kamu ini sahaja dan bukan di mana-mana tempat lain." Nasihat itu adalah tidak betul. Malah, menghalang itu pula adalah sikap bahalol.

Dengan demikian jelas bahawa faktor, berdasarkan contoh mudah di atas, merupakan faktor tolakan yang boleh menyebabkan berlakunya penghijrahan. Faktor tarikannya pula, jika masih berdasarkan contoh mudah di atas, adalah disebabkan terdapatnya sesuatu peluang yang lebih baik dan besar di mana-mana tempat lain.

Contohnya, sebagaimana semut, mencari gula di mana-mana sahaja. Tidak hairanlah, jika orang tua-tua kita pun pernah mengatakan "Di mana ada gula, di situlah ada semut". Perbincangan di atas adalah salah satu contoh faktor tolakan dan faktor tarikan dalam aspek penghijrahan.

Sudah tentulah akan ada banyak faktor tolakan dan tarikan penghijrahan, jika aspek ini ingin disentuh panjang lebar.

Namun, justeru Kelantan lebih sering digambarkan oleh golongan tertentu sebagai negeri daif dan tidak cukup peluang pekerjaan, memadamkan perbincangan ringkas di atas untuk menerangkan hakikat bagaimana segelintir orang Kelantan tidak akan melepaskan peluang berhijrah demi mengambil peluang menimba rezeki.

Salah satu asas utama untuk mendapatkan rezeki ialah rajin bekerja. Etinya, di mana-mana sahaja di dalam sesebuah negeri, setiap individu berpeluang luas untuk melakukan apa sahaja pekerjaan yang boleh mendatangkan sumber pendapatan.

Peningkatan pendapatan pula memerlukan anjakan lain dari segi menemukan dan memanfaatkan faktor yang boleh memberikan potensi lebih tinggi dan besar untuk menambahkan pendapatan tersebut.

Aspek penghijrahan, jika perlu dan munasabah, juga merupakan salah satu faktor yang tidak boleh dinafikan turut menyumbang ke arah kejayaan ini.

Penghijrahan adalah perkara normal berlaku, bukan sahaja di dalam negara ini, di luar negara, bahkan antara negara, bagi kalangan individu atau kelompok yang bijak menggunakan peluang untuk mengintai potensi rezeki.

Tetapi oleh golongan yang mempunyai muslihat dan kepentingan tertentu dalam agenda politik, hal ini disongsangkan se-

bagai perkara yang buruk untuk dianggap sebagai tidak dapat diterima akal, tidak wajar berlaku dan tidak mempunyai apa-apa manfaat.

Seolah-olah perkara ini harus dihalang, disekat rezeki dan dilepaskan peluang. Jika dalam konteks bagi negeri Kelantan, hal ini seolah-olah orang Kelantan haruslah terhad mencari peluang atau menimba rezeki di dalam negeri Kelantan sahaja.

Oleh yang demikian, sudah tentulah gambar-gambar bahawa orang Kelantan terpaksa berhijrah kerana negeri ini daif adalah tidak betul.

Yang betul ialah orang Kelantan bijak mengambil peluang hijrah kerana pintar mengintai peluang menimba rezeki. Namun, hijrah mereka bukanlah pula bermakna semua mereka akan bertukar menjadi rakyat di negeri lain.

Sebahagian besar mereka, sebagaimana kata peribahasa, "Sejauh-jauh seluang melaut, akhirnya pulang ke pantai juga." Dan kepulangan ini, lazimnya membawa anjakan kemewahan berkat kerajinan dan rezeki.



Al-Awfar akaun simpanan-1
akaun pelaburan-1

ANDA INGIN JADI JUTAWAN? HADIAH UNTUK DIMENANGI RM2.3 JUTA

AL-AWFAR

RM 200,000

RM 100,000

RM 20,000

RM 10,000

RM 1,000

RM 500

PILIHAN A

DEPOSIT RM100 KE
AKAUN AL-AWFAR
BANK ISLAM

-Tiada Slogan
-Tiada Borang Penyertaan
-Tiada Baki Purata

Tentukan nilai a ?

$$f(x) = \begin{cases} x^2 + a - 2 & \text{if } x \leq 2 \\ -ax^2 + a - 2 & \text{if } 2 < x \end{cases}$$

Jawapan anda: A) $a = 6$
B) $a = 2$
C) $a = 9$

PILIHAN B

MUKTAMAD! PILIHAN A

Tarikh-tarikh undian Al-Awfar			
25 Januari 2011	22 February 2011	29 Mac 2011	26 April 2011
31 Mei 2011	28 Jun 2011	26 Julai 2011	23 Ogos 2011
27 September 2011	25 Oktober 2011	30 November 2011	28 Disember 2011

Kini Al-Awfar memberi ganjaran yang lebih meriah.
Silalah hubungi kami untuk keterangan lanjut.

Tertakluk pada terma dan syarat

03-26 900 900
www.bankislam.com.my

Tean Siong Trading Sdn Bhd

- 100% Sarang Burung walit
- Tanpa Bahan Pengawet
- Tanpa Bahan Pelunyor

- Khidmat perunding bagi rumah burung Walit
- Jual beli barang burung Walit
- Memproses alat-alat sarang burung Walit
- Menjual alat-alat sarang burung Walet
- Meyediakan khursus pemprosesan sarang burung Walit
- Penjualan product sarang burung Walit
- Mengeksport sarang burung Walit ke luar negara

- Hong Kong
- Singapura

- Burung
- Chine



Ar-Rahnu Agrobank



Menawarkan...

- Pembiayaan sehingga **70%** dari nilai emas!!!
- Upah simpan termurah serendah **RM0.50** sebulan!



"Permudahkan semua urusan dan jangan menyusahkan, berilah khabar gembira dan janganlah membuai sesuatu yang menyebabkan orang lain lari."

— Riwayat Bukhari

HIJRAH DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Kamus Dewan menerangkan maksud "hijrah" ialah meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain. Jika dalam perspektif sejarah Islam, "hijrah" adalah lebih popular untuk menunjukkan maksud sejarah perpindahan Junjungan Besar, Nabi Muhammad SAW dari Kota Suci Mekah ke Madinah. Baginda terpaksa berhijrah, meninggalkan tanah kelahiran tercintanya itu, disebabkan faktor penindasan dan kezaliman kaum musyrikin terhadap golongan muslim.

Penghijrahan ini telah membawa dan memberikan signifikan yang sangat besar erti dan nilainya dalam syiar dan tamadun Islam. Justeru, sejarah menyaksikan bahawa impak daripada penghijrahan tersebut, Baginda Rasul bukan sahaja berjaya menyebarkan lagi syiar Islam dan menjadikan Madinah sebagai Negara-Kota Islam, malahan dengan kekuatan dan kekukuhan Islam, akhirnya Baginda Rasul berjaya kembali semula ke Kota Suci

Mekah. Dengan kemenangan dan pembukaan Kota Suci Mekah itu, Baginda Rasul turut berjaya menjadikan Kota Suci Mekah sebagai Negara-Kota Islam.

Jelas bahawa penghijrahan tersebut mempunyai signifikan dan impak yang sangat besar dan cukup bermakna dalam Sirah Rasulullah SAW. Titik tolak hijrah Baginda Rasul ini sudah tentulah mengandungi begitu banyak teladan yang tersurat dan tersirat untuk direnungi, dihayati dan diteladani.

Antaranya ialah tentang kebijaksanaan Baginda Rasul mencari jalan keluar untuk mengatasi segala masalah yang sedang dihadapi oleh golongan muslimin dan ancaman terhadap agama Islam pada ketika itu. Selain itu, penghijrahan tersebut juga menjadi medan menguji keimanan, di samping ketahanan mental dan fizikal, kesabaran dan ketabahan, penderitaan, dan sebagainya dalam kalangan golongan muslimin. Lebih penting lagi ialah sebagai landasan yang membolehkan syiar Islam semakin berkembang luas, mantap dan kukuh.

Titik tolak penghijrahan Baginda Rasul itu, bukan sahaja telah berjaya merealisasikan Kota Madinah dan Kota Suci Mekah sebagai dua buah Negara-Kota Islam pada masa itu, malahan pada hari ini syiar Islam sudahpun berkembang sangat luas ke segenap pelosok dunia. Bahkan, umum boleh dikatakan, tiada sebuah negara pun di dunia pada hari ini yang tidak mempunyai umat Islam, sama ada sebagai penduduk majoriti mahupun minoriti di dalam sesebuah negara tersebut. Demikianlah signifikan hijrah Baginda Rasul ke atas globalisasi syiar dan Tamadun Islam.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika berdasarkan sejarah hijrah Baginda Rasul itu, umat Islam sedunia pada masa kini saban tahun menyambut "Maal Hijrah" sebagai salah satu tarikh atau bulan gemilang dalam takwim Islam.

Itulah sebabnya dalam konteks sosio-budaya bangsa Melayu, sebagai antara umat Islam, perkataan "hijrah" ini telah turut sehati dalam bahasa Melayu. Umum sudah lazim menggunakan perkataan ini dan memahami maksudnya. Oleh itu, perkataan ini tidaklah terbatas untuk dikaitkan dengan Sirah Rasulullah SAW sahaja. Sebaliknya, lazim juga digunakan dalam bidang antropologi, sejarah, geografi kemanusiaan, ekonomi, politik, dan sebagainya untuk merujuk maksud perpindahan manusia ke sesuatu tempat disebabkan sesuatu faktor tertentu.

Justeru, manusia diciptakan oleh Allah SWT sebagai makhluk berakal tinggi, maka setiap orang, sama ada secara individu atau berkumpulan dapat memanfaatkan akalunya untuk mengatasi sesuatu masalah, berusaha mendapatkan sesuatu, mengubah corak hidup, dan sebagainya. Ciri-ciri inilah menyebabkan kehidupan manusia dapat berubah menjadi lebih baik, meningkat maju, dan sebagainya.

Oleh yang demikian, bukanlah suatu perkara yang menghairankan atau luar biasa, sekiranya aspek penghijrahan turut menjadi salah satu daripada cara dalam kehidupan manusia untuk mengatasi masalah atau memenuhi sesuatu matlamat tertentu.

Bahkan, Allah SWT Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana, justeru ciri penghijrahan (migrasi) ini juga turut terdapat dalam alam kehidupan haiwan. Perhatikanlah, sekadar contoh, bagaimana pelbagai spesies burung tertentu melakukan penghijrahan dalam jarak yang tersangat jauh, sesetengahnya adalah dari sebuah benua ke sebuah benua lain, untuk mengelakkan musim sejuk dan mendapatkan makanan.

Tidak terkecuali, di lautan, pelbagai spesies ikan tertentu juga turut melakukan aktiviti penghijrahan. Antara sangat dikagumi ialah beberapa spesies ikan paus yang berkemampuan meredah lautan tersangat dalam, di tengah-tengah dunia, dengan jarak yang tersangat jauh. Demikianlah aspek penghijrahan dalam alam kehidupan haiwan ini menunjukkan dan membuktikan bahawa betapa Allah SWT Maha Agung dan Maha Adil.

Demikianlah penghijrahan, terutama dalam kehidupan manusia, dapat dimanfaatkan untuk mengatasi sesuatu masalah, merubah corak hidup, membantu mendapatkan sesuatu matlamat, meningkatkan kemajuan, dan sebagainya berdasarkan kesesuaian, keperluan, dan kepentingan sesuatu penghijrahan tertentu itu.

Jika hal ini dikaitkan dengan sosio-budaya hidup masyarakat Kelantan, sejak dahulu sampailah kini – sama ada berhubung dengan sejarah, geografi kemanusiaan, ekonomi dan politik – fokus mengenai aspek penghijrahan masyarakat Kelantan adalah sangat menarik untuk diteliti dan direnungi. Lebih-lebih lagi jika hal ini diamati dan dikaitkan dengan perspektif Islam.

Dari aspek sejarah, orang Kelantan semenjak dahulu lagi memang sangat terkenal sebagai orang yang suka merantau, terutama sekali merantau sambil berdagang. Hal ini sudah sangat sebatu dalam budaya hidup masyarakat Kelantan, sehingga kini. Oleh yang demikian, aktiviti merantau sambil berdagang ini adalah suatu penghijrahan lazim dalam kalangan orang Kelantan yang peka, berminat dan pandai mencari ruang dan merebut peluang dalam bidang perniagaan atau perdagangan.

Dalam perspektif Islam, hal ini sudah tentulah merupakan suatu usaha, langkah, dan aktiviti yang terpuji. Justeru, Islam adalah 'Ad-Din' yang sempurna, mengutamakan kesedaran akhirat, namun pada masa yang sama tidak mengabaikan keperluan dunia, dan berseesuaian dengan fitrah kehidupan manusia.

Oleh itu, tidak hairanlah jika Islam sentiasa menggalakkan umatnya bekerja, melakukan yang terbaik, meningkatkan kemajuan, berusaha mencapai kebahagiaan, dan bersatu melonjakkan keagungan Tamadun Islam.

Itulah sebabnya Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: "Mencari kerja halal itu wajib ke atas setiap orang Islam." Malah, Baginda Rasul juga me-negaskan melalui satu hadis lain (marfuk) bermaksud: "Beramallah kamu seolah-olah akan mati esok dan bekerjalah kamu seolah-olah akan hidup selamanya."

Daripada Zubair bin Awwam r.a. pula, dapat diketahui bahawa Baginda Rasul juga pernah bersabda bermaksud: "Apabila kamu menyiapkan seutas tali, lalu pergi mencari kayu api, kemudian dibawanya seikat kayu di atas belakangnya lalu dijual, dan Allah memberikan kecukupan bagi keinginannya, itulah yang lebih baik

daripada ia meminta-minta kepada orang ramai, sama ada diberi atau tidak."

Melalui hadis lain lagi, Baginda Rasul bersabda bermaksud: "Allah memberikan rahmat kepada seseorang yang berusaha mencari harta dengan jalan yang halal dan membelanjakannya dengan cara sederhana dan berhemat, serta menabung kelebihannya untuk hari susah dan hajatnya."

Alangkah murni, bijaksana, rasional, dan sangat berseesuaian dengan fitrah kehidupan manusia, jika ditelitikan secara saksama dan direnungi secara mendalam tentang segala apa yang diper-ingatkan, disarankan, dan ditegaskan oleh Baginda Rasul melalui semua hadis yang diketengahkan di atas.

Malahan, Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Mulk bermaksud: "Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah gunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya, serta makanlah daripada rezeki yang dikurniakan Allah dan kepada-Nya jualah dibangkitkan hidup semula." (Ayat: 15).

" Dari aspek sejarah, orang Kelantan semenjak dahulu lagi memang sangat terkenal sebagai orang yang suka merantau, terutama sekali merantau sambil berdagang."

Demikianlah, umat Islam harus berusaha dalam apa cara sekalipun, asalkan tidak bertentangan dengan landasan Islam, untuk mencapai kebaikan, kebahagiaan, dan kemajuan dalam dunia kehidupan ini. Hatta, sekalipun dengan cara harus memanfaatkan aspek penghijrahan, jika benar-benar perlu dan penting berdasarkan kewajaran tertentu.

Sayangnya, jika hal ini dihubungkan dengan budaya hidup masyarakat Kelantan yang sangat terkenal dengan tradisi suka merantau sambil berdagang, aspek ini telah dimanipulasikan secara negatif oleh pihak tertentu untuk memenuhi dakyah dan kepentingan politik.

Oleh hal yang demikian, digembar-gemburkan kononnya negeri ini tersangat miskin, rakyat tidak cukup makan, rakyat harus merantau menumpang rezeki di negeri orang, dan sebagainya.

Walhal, tradisi merantau sambil berdagang sudah sekian lama berakar umbi dalam sosio-budaya masyarakat Kelantan. Dan yang paling perlu disedari, ialah usaha merantau dan berdagang ini pada hakikatnya sama sekali tidak pernah bertentangan dengan landasan Islam.

Daripada Zubair bin Awwam r.a. pula, dapat diketahui bahawa Baginda Rasulullah juga pernah bersabda bermaksud: "Apabila kamu menyiapkan seutas tali, lalu pergi mencari kayu api, kemudian dibawanya seikat kayu di atas belakangnya lalu dijual, dan Allah memberikan kecukupan bagi keinginannya, itulah yang lebih baik daripada ia meminta-minta kepada orang ramai, sama ada diberi atau tidak."



KELANTAN SEBAGAI PUSAT PERKEMBANGAN DAKWAH NUSANTARA

Oleh ABD. HALIM BASHAH

Dalam sejarah silam, peranan Kelantan sebagai pusat Majapahit Barat yang kemudian berubah kepada Empayar Cermin Jiddah telah banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan Islam di Nusantara.

Saiyid Husein Jamadil Kubra (daripada keturunan Sayyid al-Alawiyah - bertemu hingga kepada Saiyidina Husein, cucu Rasulullah S.A.W.) anak daripada bekas seorang gabenor kepada Sultan Muhammad Tugluq (Kesultanan Delhi) yang kemudian berkuasa di wilayah Deccan (India Selatan), telah sampai ke Kelantan kira-kira pada tahun 1349 Masihi bersama adiknya, Saiyid Thana'uddin atau Syekh Saman (anak murid kepada Ibnu Hajar).

Sepanjang misi dakwahnya, Saiyid Husein sempat mengahwini tiga orang puteri keluarga Di Raja Empayar Cermin yang sewaktu itu ibu kotanya bernama "Jiddah", terletak 3 batu dari Bukit Panau.

Daripada isterinya yang pertama, Puteri Linang Cahaya (adik kepada Cik Siti Wan Kembang), beliau mendapat dua orang anak, yang lelaki bernama Maulana Ibrahim (pelopor Wali Songo) dan yang perempuan bernama Siti Aisyah.

Perkahwinannya dengan Ramawati, puteri kepada Raja Campa, Sultan Zainol Abidin (Ce Bo Nga) dan Permaisuri Siti Zubaidah, maka lahirlah generasi yang tersenarai dalam senarai kumpulan Wali Songo daripada titisan Ibrahim Asmaro.

Sewaktu umurnya hampir 80 tahun, Saiyid Husein telah dipertemukan jodoh dengan Puteri Selindung Bulan atau Siti Syahirah, iaitu cucu saudara kepada isterinya yang pertama dan beroleh seorang anak lelaki, Ali Nurul Alam, yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri Majapahit II di Kelantan bergelar Patih Gajah Mada yang dikaitkan dengan beberapa peristiwa Laksamana Hang Tuah. (Di Pattani, Ali Nurul Alam terkenal dengan nama Sultan Qunbul).

Masjid Sunan
Kalijaga Kadilangu
Demak.



[Semasa Sultan Iskandar Syah menjadi Raja Kelantan bergelar Bhatara Majapahit pada tahun 1432 Masihi, baginda telah mengisytiharkan negeri Kelantan sebagai Empayar Majapahit II. Sehingga ke hari ini, keris kedaulatan negeri Kelantan dipanggil Keris Majapahit].

Syarif Muhammad Kebongsuan (Kebongsuan) adalah anaknya yang bongsu daripada isterinya yang keempat (keluarga DiRaja Johor) yang kemudian terkenal sebagai pembangun Kesultanan Mingguindanoa (Filipina). Sementara, salah seorang daripada abangnya menjadi Sultan Borneo yang ke III bergelar Sultan Berkat (nenek moyang raja-raja Brunei sekarang). [Keempat-empat isteri yang dikahwininya itu ialah selepas tiap-tiap seorang daripadanya meninggal dunia].

Pada awal abad ke-14, Ibrahim Asmaro dihantar oleh ayahnya, Saiyid Husien Jamadil Kubra ke Tanah Jawa untuk membantu serta menyambung usaha-usaha dakwah abangnya, Maulana Malik Ibrahim yang meninggal dunia pada tahun 1419 Masihi dan dimakamkan di Gerisek, Tuban. Turut serta ialah dua orang anaknya, Maulana Rahmatullah dan Maulana Ishak. Manakala Ali Murtadho pula di Campa, kemudiannya berhijrah ke Pattani, Thailand.

Mungkin inilah pelayaran wali-wali dari Campa yang dikaitkan atau mempunyai hubungan dengan pembinaan Masjid Kampung Laut di Kelantan.

Melalui firasat Saiyid Thana'uddin yang menjadi guru kepada cucu saudaranya, Sunan Bonang dan Sunan Giri (juga guru kepada Laksamana Hang Tuah yang terkenal dengan gelaran Sang Adi Putra), Masjid Kampung Laut diletakkan dalam tambo (ramalan) yang ada hubungan dengan kebangkitan Islam di Nusantara.

Raja Cermin, Sultan Baji Syah telah menyusul bersama satu rombongan keluarga DiRaja Kelantan menemui Bhatara Majapahit, Hayam Wuruk untuk membetulkan amalan Islam yang sudah bercampur baur dengan Shiwa-Buddha.

Sebagai membuka tirai, Maulana Malik Ibrahim muncul sebagai perintis atau pelopor yang memberi laluan kepada wali-wali yang datang kemudian. Dengan tidak ada perbezaan kasta, darjat seruan dakwahnya lebih disenangi dalam kalangan kasta-kasta Waisya dan Sudras. Banyaklah dalam kalangan mereka yang datang untuk mendapat pengajaran selok-belok mengenai agama Islam.

Kehilangan Maulana Malik Ibrahim diganti oleh anak saudaranya, Maulana Rahmatullah yang memakai gelaran Sunan Ampel. Kalau Maulana Malik Ibrahim dianggap sebagai pencipta pondok (pesantren) yang pertama, maka beliau adalah perancang negara Islam yang pertama di Tanah Jawa.

Masjid Wadi al-Husein di Kampung Telok Manok, Narathiwat (Thailand) dikatakan asalnya didirikan oleh salah seorang putera Ali Nurul Alam (Sultan Qunbul), iaitu Wan Husein.



Maulana Ishak yang banyak membantu abangnya, Sunan Ampel, tidak ketinggalan meninggalkan jasanya. Daerah Balambangan hampir-hampir dibawahnya tunduk di bawah Islam kalau tidak kerana rancangan mentuanya, Raja Menak Sembayu yang bertekad hendak membunuhnya. Beliau akhirnya berhijrah ke Pasai dan Melaka yang merupakan destinasi terakhirnya.

Anaknya, Raden Paku telah membangunkan Giri sebagai pasak yang membawa terpegaknya Kerajaan Demak. Sebagai markas gerakan dakwah yang pertama di Jawa, Giri juga melengkapkan gerakan mujahid yang tidak ada tolok bandingnya, di samping mubaligh-mubalighnya yang bekerja keras menyatukan Pulau Madura, Bawaen, Kangean, Ternate dan Maluku di bawah panji-panji Islam.

Walaupun kedatangan Raja Kemas Jiwa atau Sang Aji Jaya Ningrat (putera kepada Raja Cermin) ke Jawa hanya semata-mata bermotifkan politik, tetapi melalui ikatan perkahwinannya dengan Puteri Suhita (cucu Hayam Wuruk) telah melembutkan hati Ratu Majapahit itu untuk menyerahkan Ampeldenta dan Gerisek menjadi sebahagian kepada wilayah Giri.

Satu kejutan telah memutuskan nadi Kerajaan Hindu – Majapahit dan muncullah Demak sebagai Kerajaan Islam yang dicita-citakan. Desa Glagah Wangi bertukar wajah. Bintaro Demak mewujudkan ketandaan 'Hadiah'. Raden Patah menjadi pemerintah bergelar Sultan Sri (Syah) Alam Akbar al-Fatah.

Penyebaran Islam di Jawa Tengah, sebelah selatan daerah yang sekarang dinamakan Surakarta dan Jogjakarta, diterokai oleh seorang anak murid Sunan Kalijaga, iaitu Kiai Ageng Pandanarang atau disebut Sunan Tembayat.

Pemilihannya sebagai menggantikan tempat Syekh Siti Jenar (yang menerima hukuman bunuh oleh para wali kerana sebab-sebab tertentu) pada mulanya diragui oleh persidangan para wali kerana bekas Bupati Semarang ini dikelilingi kemewahan dunia, malah tidak mempercayai Tuhan; tetapi kemudian menjadi seorang yang cukup patuh kepada ajaran Islam dan sangat alim.

Melalui anak-anak Ali Nurul Alam, iaitu Wan Husien, Wan Bo dan Wan Demali, Kelantan sekali lagi telah menyumbangkan mubaligh-mubalighnya dalam menyambung tugas-tugas Maulana Malik Ibrahim (bapa saudara mereka) dan membantu Sunan Ampel (sepupu mereka) di Gerisek dan Maulana Ishak di Pasai.

Wan Husein dihantar ke Pulau Madura. Wan Bo ke Pasai dan Wan Demali ke kawasan Johor – Riau (Pulau Bintang). [Dari sinilah Wan Demali mendapat jolokan Raja Laksama Bantan].

Generasi Wan Bo kemudiannya berjaya menegakkan dua buah Kerajaan Islam, Banten dan Cirebon. Anaknya, Ahmad Fatahillah atau Sunan Gunung Jati telah dapat menyempurnakan cita-cita neneknya, Saiyid Husien Jamadil Kubra.

Kejayaan para wali dalam perjuangan dakwah mereka mencapai tahap yang gilang-gemilang. Itulah sebabnya Indonesia lahir sebagai negara yang majoritinya beragama Islam.

Turut mendukung atas kejayaan ini ialah Sunan Bonang, Sunan Drajat, Sunan Kudud dan Sunan Muria yang disenaraikan dalam kumpulan "Wali Songo". Manakala Sunan Prowoto, Sunan Dalem, Syekh Sutabris (salah seorang guru Sunan Kalijaga) dan lain-lain lagi, walaupun merupakan tokoh-tokoh sampingan, namun peranan mereka juga tidak boleh dianggap sepi.

Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa peranan Campa dan Pantai Timur Semenanjung Melayu (Kelantan) dianggap begitu penting dalam penyebaran Islam di Nusantara, khususnya di Indonesia.

“ Penyebaran Islam di Jawa Tengah, sebelah selatan daerah yang sekarang dinamakan Surakarta dan Jogjakarta, diterokai oleh seorang anak murid Sunan Kalijaga, iaitu Kiai Ageng Pandanarang atau disebut Sunan Tembayat. ”

Makam Sunan-Kalijaga



Masjid Kampung Laut yang dikatakan ada hubungan dengan perkembangan Islam di Nusantara. Sekarang berada di tapak baharu di Nilam Puri, Kelantan.



YB Dr Mohd Fadzli Dato' Hassan

Penghijrahan: Sifat Keusahawanan Yang Ada Pada Masyarakat Kelantan



Umumnya mengetahui tentang sejarah kehidupan masyarakat Kelantan yang gemar berhijrah sejak sekian lamanya khususnya di sekitar tahun 70-an hingga sekarang. Malah kerana fenomena itu juga telah disalah ertikan oleh pihak tertentu sehingga ianya dikaitkan dengan kemiskinan rakyat Kelantan. Kerana kemiskinan menyebabkan rakyat negeri itu berhijrah khususnya ke Singapura untuk mencari rezeki walaupun terpaksa bekerja sebagai buruh binaan.

Walaubagaimanapun, pandangan itu disanggah oleh Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi YB Dr Mohd Fadzli Dato' Hassan mempunyai pandangan yang berbeza berhubung perkara itu. Beliau menyifatkan penghijrahan atau keluar mencari rezeki ke negeri orang sebagai sifat keusahawanan yang ada pada masyarakat Kelantan. Masalah kemiskinan adalah yang kedua atau yang ketiga, namun lebih penting yang perlu diketahui adalah sifat rakyat Kelantan yang rajin, serta mempunyai sifat keusahawanan yang kurang ditemui oleh masyarakat di negeri lain.

Rakyat Kelantan gemar mencari peluang serta menceburkan diri dalam bidang yang jarang diceburi oleh masyarakat di negeri lain khususnya dalam bidang perniagaan. Lebih tepat disifatkan mereka bukan sahaja rajin, sebaliknya mempunyai kreativiti yang tersendiri serta mampu berdikari di negeri orang.

Dr Fadzli berpendapat, apabila rakyat negeri berkenaan tidak mengambil peluang yang ada khususnya dalam perniagaan, rakyat Kelantan yang mempunyai sifat keusahawanan itu, telah cuba melakukannya sama ada dalam bidang pembuatan, membuka kedai makanan, pakaian dan sebagainya.

Pada masa yang sama seluruh negeri di negara ini turut didiami oleh rakyat Kelantan termasuk Sabah dan Sarawak yang bertugas sebagai kakitangan kerajaan pelbagai peringkat seperti guru, perubatan malah bermula dari peringkat bawahan hingga ke golongan profesional.

"Kenapa masyarakat Kelantan gemar ke Kuala Lumpur? Sebabnya kerana mereka menjawat pelbagai jawatan di situ dan bukannya hanya sebagai peniaga. Mereka adalah golongan yang terpelajar. Kalau di universiti pun orang Kelantan juga yang ramai," ujarnya.

Menurutnya, sebagai orang yang terpelajar, mereka mempunyai peluang yang cerah untuk menjawat pelbagai jawatan terutama yang tinggi di Kuala Lumpur, apa lagi Kuala Lumpur adalah ibu negara Malaysia. Menurut Dr Fadzli lagi, sekiranya ada pihak menuduh rakyat Kelantan berhijrah kerana kemiskinan, ianya satu tuduhan yang amat tidak tepat.

"Mereka sebenarnya tidak mengetahui dua punca utama kenapa rakyat Kelantan suka berhijrah iaitu sifat keusahawanan dan pendidikan tinggi yang ada pada mereka membuatkan golongan ini bertaburan di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak".

"Saya ada terbaca sebuah buku, namun saya dah lupa siapa penulisnya, penulis itu berkata sekiranya bukan orang Cina menguasai perniagaan di negara ini, maka orang kedua ialah Kelantan. Ini kerana mereka kreatif dalam mencari rezeki, rajin berusaha, mencari sesuatu yang baru untuk diterokai dan berbagai lagi," ujarnya.



Tegas Dr Fadzli lagi, bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamed turut mendedahkan setiausaha politiknya termasuk setiausaha-setiausaha di beberapa kementerian juga adalah anak kelahiran Kelantan. Kerana itu, menurutnya tidak hairan sekiranya nama rakyat Kelantan sejak sekian lamanya dilabel sebagai satu masyarakat yang suka berhijrah serta maju dalam lapangan yang dipilihnya. Semua usaha titik peluh mereka sebagai pegawai tinggi kerajaan, peniaga besar yang mempunyai nama dalam bidang perniagaan bukan sahaja telah mengangkat imej negeri ini, sebaliknya telah membawa pulangan untuk mereka sendiri.

Ketika diminta menyentuh tentang kesan dari penghijrahan itu sama ada baik atau buruknya, beliau memberitahu ianya lebih cenderung kepada kebaikan. Bagaimanapun, katanya ia perlu dilihat dari sudut tujuan penghijrahan, latar belakang penghijrah serta beberapa sudut lain.

Katanya, orang yang berhijrah itu sendiri sebenarnya perlu positif tentang hasratnya untuk berhijrah, sebagaimana junjungan besar Nabi Muhammad SAW sendiri yang dapat membentuk negara Madinah hasil penghijrahan baginda itu.

Sekiranya masih berada di Kota Mekah, kemungkinan besar ianya tidak berlaku sedemikian. "Apa yang saya sedihkan akhir-akhir ini penghijrahan yang berlaku bukan ke arah positif, sebaliknya hanya kerana ikut-ikutan, kerana kawan dan bukannya kerana matlamat yang jelas.

"Contohnya di tempat sendiri mempunyai peluang pekerjaan yang baik dengan pendapatan yang munasabah, tetapi di luar kerjanya agak kurang baik dan pendapatannya lebih kurang di tempat sendiri sahaja, namun golongan ini masih memilih untuk ke luar Kelantan kerana ingin bebas dari kongkongan keluarga dan bukan atas dasar semangat penghijrahan," ujarinya.



" Bagaimanapun, situasi ini begitu berbeza dengan penghijrahan rakyat Kelantan di luar, di mana mereka 'jatuh cinta' untuk menetap di sini kerana ketenangan, keamanan yang diperolehi sepanjang berada di sini."



Sambungnya, sebagai contoh kerja kilang di luar Kelantan mendapat RM600, sedangkan bekerja dengan ibu bapa atau di tempat sendiri yang berdekatan dengan pendapatan yang sama, tetapi tidak perlu menyewa rumah, tambang yang murah, namun masih ingin di luar Kelantan.

Selain itu, perubahan yang nyata juga apabila pulang ke kampung mereka telah membawa budaya yang kurang elok akibat diubah oleh suasana. Katanya, penghijrahan sebegini memberi ruang pada pihak tertentu untuk memburukkan kerajaan negeri kerana kemiskinan negeri itu menyebabkan golongan muda berhijrah untuk mencari rezeki. Kerajaan negeri, katanya menggalakkan rakyat Kelantan berhijrah, tetapi biarlah ianya berasaskan semangat hijrah Rasulullah dengan membawa sesuatu yang baik di negeri ini ke luar.

"Sekiranya boleh setiap mereka yang berhijrah membawa mesej yang baik dari negeri ini kepada masyarakat di luar atau sebagai duta, secara tidak langsung mereka menjadi pendakwah di tempat tinggal atau sekurang-kurangnya membawa imej yang baik walaupun mereka keluar untuk bekerja," ujarinya.

Pada masa yang sama beliau tidak menafikan rakyat luar Kelantan kini begitu berminat bukan sahaja untuk berhijrah ke negeri ini, sebaliknya untuk menetap terus di negeri ini.

Bagaimanapun, situasi ini begitu berbeza dengan penghijrahan rakyat Kelantan di luar, di mana mereka 'jatuh cinta' untuk menetap di sini kerana ketenangan, keamanan yang diperolehi sepanjang berada di sini. Walaupun hanya pada awalnya kerana tanggungjawab kerjaya, namun akibat kos sara hidup yang rendah, kelas-kelas agama dan al-Quran begitu banyak terdapat di negeri ini.

Menurutnya, beliau mengenali beberapa orang dikalangan mereka seperti dari anggota polis, petugas hotel dan berbagai lagi menyatakan dengan jelas ingin terus menetap di sini. Sambungnya, dikalangan masyarakat bukan Islam pula mereka ingin terus menetap di sini kerana ketenangan, kos sara hidup yang rendah serta budaya masyarakatnya.



Kelantan yang masih kekal dengan keaslian, belum dinodai oleh pembangunan yang tenat, menjadi tarikan pada masyarakat luar. "Ini semua merupakan satu hadiah untuk rakyat Kelantan, kerana keistimewaan yang ditonjol oleh mereka sendiri disamping pentadbiran kerajaan negeri yang begitu berbeza dengan negeri-negeri lain, menyebabkan mereka tidak perlu berfikir panjang lagi untuk terus menetap di sini,"ujarnya.

Menyentuh tentang keuntungan hasil pengijrahan sama ada penghijrahan rakyat Kelantan ke luar atau masyarakat luar pula ke negeri ini, beliau berpendapat ianya tidak perlu dilihat dari sudut kebendaan semata-mata, kerana mungkin ianya tidak besar. Tetapi katanya ia perlu dilihat dari sudut 'imej' khususnya kelebihan yang diperolehi oleh masyarakat luar selepas mereka berada di sini dan apa pula yang ditonjolkan oleh masyarakat Kelantan di luar.

Dr Fadzli seterusnya memberi beberapa contoh bagaimana pandangan masyarakat luar berhubung negeri ini khususnya yang tidak pernah mengunjungi negeri ini. Tambahnya, ia berlaku pada sebuah majlis perkahwinan di sebuah kampung di negeri ini apabila tetamu yang diundang oleh kedua-dua belah pihak kebetulan orang luar yang turut hadir pada majlis perkahwinan mereka. "Mereka terkejut apabila mendapati wajah Kelantan sebenar yang sememangnya maju, tenang, mendamaikan serta masyarakatnya yang sopan-santun serta berbagai lagi. Hasilnya tetamu pengantin tadi memohon untuk menyambung beberapa hari lagi untuk tinggal di negeri ini.

"Ini jelas membuktikan betapa imej buruk telah dilabelkan oleh pihak tertentu terhadap negeri ini sehingga mereka menyifatkan Kelantan adalah sebuah negeri yang mundur, rakyatnya miskin sehingga mereka mempunyai rumah kecil dan tidak menyenangkan," ujarinya.



Sedangkan, rumah banglo, gudang perniagaan, kedai emas dan berbagai lagi dimiliki oleh orang Melayu. Sambungnya, cerita ini berlaku hampir 21 tahun lalu, tidak seharusnya ia berlaku lagi di zaman ini, namun itulah hakikatnya betapa Kelantan masih diberi gambaran buruk oleh pihak tertentu walaupun oleh rakyatnya sendiri demi kepentingan politik mereka.

Jika ini berlaku, menurutnya rakyat Kelantan yang berada di luar perlu juga mempromosikan negeri ini di tempat mereka serta menangkis tohmahan buruk pihak tertentu terhadap negeri ini pada mereka. Tegasnya, jika itu berlaku, perkara sedemikian tidak akan terjadi. Ketika ditanya negeri mana paling ramai diduduki oleh rakyat Kelantan, beliau memberitahu Lembah Kelang, Selangor selebihnya Johor dan Pulau Pinang.

Bagi mengenal pasti rakyat Kelantan yang berada di luar, Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan (PERAKAN) memainkan peranan penting untuk bersama golongan itu. Malah, menurutnya persatuan anak Kelantan yang lain juga akan ditubuhkan cawangannya di negeri-negeri lain bagi mengenal pasti rakyat Kelantan serta membantu menyelesaikan masalah mereka seperti Persada, The Red Warriors dan lain-lain lagi.





ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD
 KKKP : 2952
 NO 21B, TINGKAT 1, BANGUNAN IKTISAD, JALAN DATO' PATI, 15000 KOTA BHARU, KELANTAN
 NO 23-1, JALAN 3/76D, DESA PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR



HJ AHMED SHUKRI
HJ AB RAHMAN
 PENGARAH URUSAN
 ASH-HAR TRAVEL &
 TOURS SDN BHD



UST HJ DR ABDUL BASIT
HJ ABDUL RAHMAN

PAKEJ HAJI 1432H / 2011M

KOD	HARGA ASAL (RM)	DISKAUN (RM)	HARGA BARU (RM)	BILIK (ORANG SEBILIK)	
				MADINAH	MAKKAH
ASHT (E1)	12,450	-	12,450	4@5	4@5
ASHT (E2)	16,450	3,000	13,450	3	3
ASHT (E3)	21,450		CANCEL		
ASHT (E4)	12,950	PAKEJ BARU	12,950	4@5	3

PAKEJ EKONOMI B

KOD	HARGA ASAL (RM)	DISKAUN (RM)	HARGA BARU (RM)	BILIK (ORANG SEBILIK)	
				MADINAH	MAKKAH
ASHT (Y1)	15,590	1,600	13,990	4@5	4@5
ASHT (Y2)	18,590	3,100	15,490	3	3
ASHT (Y3)	23,590	700	22,890	2	2
ASHT (Y4)	14,490	PAKEJ BARU	14,490	4@5	3

(TIDAK TERMASUK WANG NAIK HAJI (RM 7,369) YANG AKAN DIBEKUT OLEH TABUNG HAJI DARIPADA AKAUN JEMAAH HAJI)

BUNGA MAS FROM KELANTAN

By Rosli K. Matari Photo Ahmad Nai'me Muhammad

Gold is an attraction to almost everyone. This metal which is often fashioned into jewellery and other ornaments has its own special qualities of beauty. The high price it fetches is astounding. If gold could be designed into a tree, one can imagine a masterpiece of amazing beauty. Anyone who sees it will be awestruck because its leaves, flowers and stems are all made of gold.

Therefore, it is not surprising that the Bunga Mas has a very resounding history in this country, especially for the state of Kelantan which has a very close tie with Thailand. Despite being more popularly known as Bunga Mas, the Bunga Mas was not merely a creation of flowers made of gold. It was actually designed in the form of a gold tree.



In the past, the Malay States sent Bunga Mas to the Siamese Kingdom (Thailand) as a symbol of friendship. The history of sending the Bunga Mas dates back to the 14th Century. This was practiced by the Sultans of Kedah, Kelantan, Terengganu and Pattani (now Southern Thailand).

However, after Siam conquered Malay Pattani in 1785, the practice of sending of Bunga Mas was no longer as a token of friendship, but as an annual tribute. The sending of Bunga Mas from Kelantan is believed to have begun during the reign of Sultan Muhammad II. Sultan Muhammad II sent the Bunga Mas as a token of respect and appreciation for the kindness of the King of Siam.

As for the Bunga Mas tree, many are prone to think that the Bunga Mas tree is made wholly from gold. This is not so! Apart from gold, silver was also used in the design of the Bunga Mas. The combination of gold and silver added to the beauty of the Bunga Mas compared to height of the Bunga Mas tree is not less than 1.8 metres.

PAST MOMENT

This measurement included the base. The tree is conical in shape. Its leaves and flowers are made from pieces of gold and silver. The leaves are tiny and as thin as henna leaves and measure a length of 2.5 cm.


The stem, though not made known to all, is made from original chengal wood. Among the Malay people, chengal is known as a type of wood that is durable and long-lasting. The wooden stem of the Bunga Mas is coated in gold and The Bunga Mas tree has four branches. On each branch are three smaller branches.

At the end of each branch is a leaf and on each of the smaller branches are four leaves. At the end of each branch is a flower. Each flower has four petals. Other than these, as in most of the Bunga Mas trees, a miniature bird, the merbuk is set at its peak as a symbol.

Indeed, such is the beauty of the Bunga Mas! Because gold and silver were used in making the Bunga Mas, it is little wonder that the Bunga Mas tree is sometimes called Bunga Mas and Perak. Although it was designed as a complete tree, it is not called the Gold Tree (Pokok Mas), it remains well-known as Bunga Mas.

According to well-known historian, Nik Anuar Nik Mahmud (1991), in Kelantan, the goldsmiths who made the Bunga Mas in the year 1839 were Che Ismail (Kampung Atap Paloh), Che Yaacob (Kampung Kubang Pasu), Haji Nik Ismail (Kampung Langgar), Tukang Minah (Kampung Lorong Che Kadir) and Tukang Dollah (Kampung Kubang Pasu).





BUNGA EMAS

Contoh bunga emas yang dihantar oleh kerajaan Kelantan kepada Siam (Thailand) mulai tahun 1812 sebagai tanda persahabatan. Penghantaran bunga emas dibuat setiap tiga tahun sekali sehinggalah perjanjian Inggeris- Siam (Anglo-Siamese Treaty) ditandatangani pada tahun 1909 di mana negeri Kelantan diletakan di bawah naungan British.

GOLDEN FLOWER

A replica of the golden flower sent to the King of Siam (Thailand) from 1812 onwards by the government of Kelantan as a symbol of friendship. The golden flower were sent once in three years until the signing of the Anglo-Siamese Treaty in 1909 where by the state of Kelantan were put under the British patronage.

Although the history of the Bunga Mas dates back from the 14th Century, it became part of the court ceremonies only in the 17th Century.

The Bunga Mas was constructed at the surau of the Balai Besar under close supervision of the Sultan himself. It took at least six months to complete.

In return, the King of Siam presented expensive valuables of equivalent the Bunga Mas. The gifts for the Malay rulers also included rice.

From there, they were accompanied by the Chief of Ligor to Bangkok. The Bunga Mas was sent together with an accompaniment of four spears that had gold plated ends, an ornately decorated dagger, a ketor, a celapa, a semberap (betel nut holder/tray) and two rings.

According to Nik Anuar, the entourage that carried the Bunga Mas from Kelantan to Bangkok during the 1840s was led by Nik Mohamed bin Nik Besar from Kampung Atas Banggol.

The boat the entourage travelled in was named Perahu Bunga Mas. The boat first had to make a stop at Ligor (Nakorsithammarat).

Lot 128, Mukim Telong, Jalan Tok Bali 16300, Kelantan
Tel: +6012 3190009, +609 7430320 Faks: +609 7478243
www.SudaraBeachResort.com

A Solitude in Paradise

SUDARA BEACH
Managed by PK Ecoresort Sdn Bhd (513462-K)
RESORT & SPA

RM88nett
WEEKDAY ONLY with breakfast

PROMOTION ROOM RATES 2011

Room Type:

Sea View	RM 170.00
Pool View	RM 150.00
Garden View	RM 125.00
Riverside	RM 150.00
Dorm	RM 230.00

Resort Facilities:

- * Air Conditioning Room
- * Swimming Pool
- * Ample Parking
- * Well Preserved Beach
- * Open Air Coffee House
- * Indoor & Outdoor Activities
- * Banquet & Meeting Room to cater from up to 1000 pax persons
- * Sudara Mosque
- * B' Dara, Hydrotherapy Wellness Spa



SYNOPSIS

A traditional gift for the royalties, bunga mas is a masterpiece of an amazing beauty. What has started as a token of friendship had then become an annual tribute as a sign of respect between two countries, Kelantan and Siam. Bunga mas is designed in the form of a gold tree with its leaves and flowers are made from pieces of gold and silver. When it was done, a boat entourage will have to travel across the countries to deliver it to the king of Siam.

ANF HOLIDAYS

*All room rates are inclusive of 6 % Government Tax.
*All room rates are inclusive of Breakfast for 2 persons except Dorm for 6 persons.
*Extra Bed @ RM 35.00 per bed (with breakfast)
*Surcharge @ RM 25.00 during Eve Of/School Holiday and Public Holiday

Tokoh Ulama Perantau Terkemuka

MUFTI HAJI ISMAIL PONTIANAK

Oleh: USTAZAH NORAIMA MOHAMED NOR

Negeri Kelantan Darul Naim yang sinonim dengan gelaran “Serambi Mekah” bukan sahaja telah melahirkan sekian ramai ulama terkenal di dalam negeri sendiri, malahan juga para ulama yang merantau untuk menyumbangkan bakti mereka di luar Kelantan.

Dalam barisan tokoh ulama perantau dari Kelantan ini, antara yang paling terkemuka ialah Mufti Haji Ismail Pontianak.

Sekali imbas, gelaran “Pontianak” ini mungkin agak mengagetkan. Justeru, bagaimanakah seorang ulama boleh turut dikaitkan dengan gelaran demikian? Justeru, “Pontianak” (puntianak) dalam pengetahuan lazim masyarakat Melayu dari segi kepercayaan tahyul ialah sejenis hantu.

Sebenarnya, gelaran ini masyhur demikian kerana Haji Ismail pernah merantau ke Pontianak, Kalimantan Barat (Indonesia) – Borneo. Di sanalah, beliau menaburkan sebahagian besar sumbangan baktinya dalam syiar Islam, iaitu kira-kira selama suku abad daripada hayat hidupnya. Oleh yang demikian, tidak hairanlah, jika beliau lebih terkenal dengan panggilan Haji Ismail Pontianak.

Moyang kepada Haji Ismail Pontianak, iaitu Abdullah Faqih atau lebih terkenal dengan gelaran Tok Faqih, adalah berasal dari Minangkabau. Kemudian beliau merantau ke Pattani.



Seorang putera beliau, Haji Nordin, merantau pula ke Kelantan, lalu menetap di Kampung Lundang Paku (Jajahan Kota Bharu). Anak beliau, Haji Abdul Kadir berkahwin dengan puteri Dato’ Labok bernama Hajah Halimah. Pasangan ini dikurniakan tujuh orang anak. Salah seorang daripada mereka ialah Haji Abdul Majid.

Haji Abdul Majid bersama-sama dengan semua adik-beradiknya berpindah ke Labok, iaitu daerah yang diterokai oleh datuk mereka, Dato’ Labok. Haji Abdul Majid bertemu jodoh dengan Che Minah. Susur-galur keturunan Che Minah, moyangnya ialah Sutan Amir Kaharuddin, berasal dari Minangkabau. Haji Abdul Majid dan Che Minah dikurniakan tujuh orang anak – Haji Muhammad Nuh (terkenal dengan panggilan Haji Nuh Kaya), Haji Ismail (Mufti Haji Ismail Pontianak), Hajah Aishah, Haji Muhammad Salleh, Haji Sulaiman, Haji Yaakob dan Hajah Che Mas.

Haji Ismail dilahirkan di Kampung Labok pada tahun 1822. Setelah mendapat pelajaran asas di Kelantan, dalam usia yang masih muda, Haji Ismail bersama-sama dengan abangnya, Haji Nuh telah dihantar oleh bapa mereka untuk menuntut di Tanah Suci Mekah.

Di Mekah, Haji Ismail mendalami ilmu pengetahuan agama Islam. Malah, selain syariat Islamiah dan Usuluddin, beliau turut gigih mempelajari ilmu falak. Salah seorang guru beliau di Tanah Suci ini ialah ulama termasyhur, Syeikh Ahmad al-Fathani. Terdapat riwayat mengatakan Haji Ismail pulang ke Kelantan pada tahun 1908 – iaitu pada tahun Syeikh Ahmad al-Fathani berpulang ke rahmatullah. Tetapi riwayat ini berkemungkinan tidak begitu tepat, atau mungkin beliau hanya kembali ke Kelantan buat sementara.

Justeru, riwayat lain pula menyebutkan bahawa selepas Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia, Haji Ismail masih lagi tetap meneruskan pengajiannya kepada beberapa orang ulama besar Mekah. Antara gurunya itu ialah Sayyid Abdullah az-Zawawi, Syeikh Muhammad Mahfiz bin Abdullah at-Termasi dan lain-lain lagi.

Malahan, keakraban persahabatan dengan gurunya, Sayyid Abdullah az-Zawawi itu menyebabkan beliau mengikuti gurunya itu berhijrah dari Mekah ke Riau (Sumatera – Indonesia) dan seterusnya ke Pontianak (Kalimantan Barat). Bahkan, ketika Sayyid Abdullah az-Zawawi menjadi Mufti Pontianak, beliau masih tidak berhenti daripada terus menuntut pelbagai bidang ilmu daripada gurunya itu, walaupun dikatakan beliau sendiri sebenarnya sudahpun mahir dan menguasai pelbagai bidang ilmu.

Riwayat lain pula mengatakan, Haji Ismail pulang ke Kelantan pada tahun 1908 dan kemudian merantau ke Cam atau Kemboja.

Di Pontianak, semasa pemerintahan Kerajaan Pontianak pada tahun 1920, Haji Ismail dilantik menjadi Naib Hakim. Pada tahun 1924, sejauh dapat diketahui oleh sejarah, beliau sudah pun dilantik sebagai mufti bagi Kerajaan Pontianak.

Namun, menariknya dalam sejarah Kerajaan Pontianak ketika itu, terdapat tiga orang ulama terkenal yang bernama Ismail. Selain daripada Haji Ismail yang menjadi mufti, dua orang lagi ialah Haji Ismail Jabal atau Haji Ismail Kadi (Ismail Abdul Lathif) yang menjadi Penasihat Rad Agama Kerajaan Pontianak dan Haji Ismail Mundu atau Haji Ismail Mufti Kubu (Ismail bin Abdul Karim) yang menjadi mufti Kerajaan Kubu – sebuah kerajaan kecil di bawah naungan Kerajaan Pontianak. Selain itu, ada disebutkan, seorang lagi ulama bernama Ismail yang juga masyhur di Pontianak ketika itu ialah Haji Ismail Bugis.

Haji Ismail Pontianak adalah seorang ulama yang warak dan juga merupakan seorang khatib yang sangat petah lidahnya dalam khutbah. Malah, di Pontianak, beliau merupakan ulama yang pertama mengubah khutbah Jumaat daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu, walaupun hal itu pada awalnya menyebabkan beliau mendapat cabaran hebat daripada kalangan ulama di Pontianak. Hal demikian kerana sebelum itu, setiap khutbah adalah lazim disampaikan dalam bahasa Arab.

Setiap majlis pengajaran beliau penuh dibanjiri masyarakat setempat. Beliau terkenal sebagai seorang tokoh ulama yang suka kepada pembaharuan. Di kalangan muridnya, beliau suka memberikan kebebasan berfikir tentang mazhab-mazhab, walaupun Mazhab Syafie menjadi mazhab ramai. Malah, beliau merupakan orang pertama yang menyebarkan ilmu falak di Pontianak dan juga Kalimantan Barat.

Dikatakan, di mana-mana sahaja beliau duduk, mulutnya sentiasa membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran. Beliau adalah hafiz Al-Quran tiga puluh juzuk. Tangannya sentiasa memegang tasbeih. Hal ini menunjukkan, jikalau tidak membaca Al-Quran, beliau gemar juga berzikir. Setelah sekian lama merantau dan menaburkan baktinya di Pontianak, Haji Ismail akhirnya kembali ke bumi kelahirannya, iaitu Kelantan pada sekitar tahun 1937.

Setelah kepulangan beliau, sejauh dapat diketahui sejarah, dikatakan bahawa bermula 1 Januari 1940, beliau telah dilantik menjadi guru kitab di Jami' Merbau al-Ismail, iaitu berkhidmat dengan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Beliau diberikan gaji bulanan sebanyak RM47.50 semasa mengajar di masjid ini, murid-murid beliau bukan sekadar dari negeri Kelantan sahaja, malahan juga datang dari seluruh Semenanjung dan Pattani.

Pada 10 April 1940 hingga 8 Februari 1947, beliau turut menganggotai Jemaah Ulama MAIK. Selain itu, bermula 1 Julai 1941, beliau dilantik menjadi penterjemah Arab. Namun demikian, zaman kegemilangan perkhidmatan beliau di Kelantan, dikatakan bermula dari 1 Mei 1943. Hal ini demikian kerana bermula pada tarikh tersebut, beliau dilantik menjadi Khatib di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Sebagaimana pembaharuan yang pernah dilakukannya semasa di Pontianak dahulu, sekali lagi beliau memperkenalkan khutbah yang berbeza dengan para

khatib sebelumnya yang terikat dengan teks bahasa Arab sepenuhnya. Malahan, menariknya, beliau memperkenalkan dan merintis pengucapan khutbah tanpa teks di tangan.

Selain menjadi khatib di masjid tersebut, Haji Ismail juga sangat disayangi dan disenangi oleh DYMM Al-Sultan Kelantan, iaitu Sultan Ibrahim, sehingga dilantik menjadi guru agama dan juga imam di istana baginda.

Dalam bidang penulisan, beliau juga tidak ketinggalan menyumbangkan baktinya, sama ada dari segi penulisan karya asli atau terjemahan. Hal ini dilakukan beliau semenjak di Pontianak dahulu lagi dan masih berterusan walaupun telah pulang ke Kelantan. Meskipun sumbangan beliau dalam bidang ini tidaklah begitu banyak, namun tetap berguna sebagai khazanah penting dalam syiar Islam. Antaranya ialah 'Fatwa daripada al-Sayid Abdullah Ibnu Almarhum al-Sayyid Muhammad Shalih al-Zawawi Jawab Soal dari Tanah Jawa' (1330 Hijrah), 'Risalah pada Bicara Jumaat dan


Sembahyang Zuhur' (tanpa tarikh selesai penulisan, tarikh disalin lain ialah 1345 Hijrah) dan 'Pedoman Kemuliaan Manusia' (berkemungkinan pada tahun 1938 atau sebelumnya).

Antara tokoh-tokoh ulama Kelantan yang diketahui sebagai sahabat baik beliau ialah Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail Kadi (terkenal sebagai Dato' Perdana Menteri Paduka Raja), Haji Harun bin Awang (Labok), Haji Othman bin Haji Abdul Samad (Pasir Pekan), dan lain-lain lagi.

Haji Ismail dikurniakan beberapa orang anak daripada perkahwinannya dengan Mukminah bt Haji Tahir (Kubang Itik, Pontianak). Antaranya ialah Khadijah, Rugayah dan Siti Hajar. Tokoh ulama perantau yang sangat masyhur dari bumi Kelantan ini meninggal dunia pada 29 Oktober 1950, iaitu pada malam hari Isnin – 18 Muharam 1370 – jam 10 malam, pada usia 74 tahun. Beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Kampung Labok, Machang.

www.kifaalah.com.my

PROGRAM SKIM TAKAFUL KIFAALAH (WARGA EMAS)



Program kelolaan Kerajaan Negeri Kelantan bertujuan untuk memberi perlindungan dan juga khairat kematian untuk warga emas melalui caruman takaful.

KIFAALAH SDN BHD
 Lot 5393-E, Jalan Telipot, 15050 Kota Bharu, Kelantan
 Tel: 09-747 6336 Faks: 09-747 6226

Anugerah Juara Kategori Takaful Keluarga 08/09
 Anugerah 20 Agensi Korporat Terbaik Kategori Takaful Am Dan Keluarga 08/09
 Anugerah Agensi Korporat Terbaik Kategori Takaful Am Dan Keluarga 08/09

PESERTA PROGRAM KIFAALAH

- 1- Warga Emas berumur 60 tahun dan ke atas.
- 2- Lahir atau bermastautin di Negeri Kelantan.

manfaat RM1500 (sebagai bayaran manfaat kepada WASI)

- ➔ Pendaftaran Skim Takaful Kifaalah Warga Emas adalah dibuka sepanjang tahun.
- ➔ Borang pendaftaran boleh didapati di pejabat DUN berhampiran.
- ➔ Semak status pendaftaran anda di pejabat Dun atau melalui laman web kami www.kifaalah.com.my

Ditanggungjawab oleh:





By Rosli K. Matari

In traditional times, one of the sources of livelihood for the Malays was various products from the jungle. Fruits, leaves, umbut (the edible topmost and innermost frond of palms), and roots which were made into food and medicines, logs and timber, and animals were readily available from the jungles. Among other produce from the forest was the rattan.

There is a Malay proverb that goes like this: "Jika tiada rotan, maka akar pun berguna juga." The proverb means that if you cannot get something better, and then make do with what is available.

The rattan is a native plant found in South East Asia. It belongs to the palm family which is found in the forests and on hilly areas. It can sometimes be found in and around villages. The rattan is a vine-like plant that creeps or scrambles over other vegetation on the ground and climbs its way up twining around larger plants.

The stem of the rattan has barbed-like thorny spines. This causes some people to think that the spines have to be pared before the rattan can be used. This is not true. When the rattan is old enough or "matured", the rattan is no longer thorny because the spines have shed naturally. Rattan that has "matured" is harvested for its various uses. This is because matured rattan is more durable and long-lasting compared to rattan which is still young.

Although many varieties of rattan have spines, there are some which do not. For example, rotan beras and rotan kera. However, rotan sega is less thorny.

The manau rattan is considered to have its own special qualities. The leaves are said to 'whistle'. When the wind blows, a certain whistling sound can be heard from the leaves, and this can be heard from as far as ½ kilometres away. For those who do not know the ins and outs of the forest, this can arouse one's curiosity or can be frightening.

There are many different species of rattan. Among them are rotan buku hitam, rotan kera, rotan beras, rotan matang, manau rattan, rotan saga (also called rotan sega), rotan sabut, rotan tawar and others. Some rattans have stout trunks and some have slender trunks. Rattan with slender trunks is called rotan halus. Most stout rattan have a diameter of between 2cms.-3.5 cms.. Rotan buku hitam is said to be the largest rattan, having a diameter of about 5 cms. Slender rattans have a diameter the size of the little finger.

Manau rattan, rotan matang and rotan tawar are some examples of the stout rattan variety although they are not as big as rotan buku hitam. Rotan kera, rotan beras and rotan sabut are the slender type of rattan. Rattan scrambles or creeps on the ground or twines itself on the trunks of big trees. Rotan beras, for example, can creep to a length of 20 metres on the ground.

Rattan is used by the Malays for many purposes. In the traditional community, rattan was used to make large and small baskets, fruit baskets, serak (a type of basket), lekar (place mats for pots), mats, cradles, walking sticks, silat staves, bird cages, pungkis (for carrying earth or rubbish), whipping canes and many others. It is clear that these items were useful in the daily lives of the Malay society. This is why rattan was integral for the Malays in ancient times.

From another angle, the usefulness of rattan is as important as bamboo. Bamboo is also used to make similar implements such as large baskets, small baskets and bird cages. Yet, there are some tools which are made of rattan only. Rattan is very durable, sturdy and long-lasting compared to bamboo, in fact, rattan has its own unique aesthetic value and beauty.

Other than these, another important use of rattan is for tying things together, especially for tying wood, house pillars and bamboo in the making of rafts. This is important because in traditional times, nails were not available. Incidentally, the Malays during that time built houses without even using a nail. This was because the Malays employed the tongue and groove method that is a hole was made into the pillar where the floorboard or others was to be placed in building a house. If needed, a rattan string was used to tie the wood to the pillar.

Rivers and seas were the most important and easiest methods of transportation for the Malays during traditional times. Hence, boats and rafts were the main forms of transportation. That is why the rattan was very important because the slender rattan or the stout rattan when cut into small strips, were used to tie the rafts. Rattan is long-lasting even when used in water.

In the forest, rattan is used for tying up small pieces of wood which can be used as firewood. Hence, no wonder that in Malay thinking and way of life, they had invented a proverb attributing to the rattan, as mentioned earlier. To bring out logs

and timber from the forest for building houses, ships, palaces and others in traditional times, rattan was very much needed as a tying implement that was strong and sturdy for the elephants to pull.





In earlier times, because the rattan was a source of livelihood and income among the Malays, it came as no surprise that during the British rule, the activities of searching and selling rattan came under taxation by the colonialists. In fact, in Kelantan and Pahang for example, there is proof in history that the levy imposed by the British on the sales of rattan was one of the factors that spurred the Malays to protest against the British.

Currently, rattan is still an important product from the forest. It has become a lucrative source of income with a high commercial market value, especially to meet the demands in the furniture industry. Moreover, the source of rattan is now decreasing. Therefore, it is not shocking that rattan is being sought after by the furniture industry.

Especially now when furniture items, mainly chairs and tables made from rattan, are gaining popularity among consumers. Furniture made of rattan is not only beautiful and long-lasting, it is considered to have a very high antique value. Rattan that is considered to be of very good and high quality in the furniture industry is the manau rattan and rotan saga.

Today rattan furniture is not sold only for the local market, it is also exported to meet international market demands.

The writer wishes to thank and acknowledge these individuals who participated in the interview.

- Pak Da Rani (Almin bin Husin) , 61 years old.
- Pak Da Sof (Mat Jusoh bin Noor), 53 years old.
- Pak Man (Abdul Rahman Mamat), 78 years old.
- En. Mat Lazim bin Yunus, 38 years old.
- En. Mohd. Hasni Hamzah, 45 years old.

Synopsis

The rattan is a vine-like plant that creeps or scrambles over other vegetation on the ground and climbs its way up twining around larger plants. Being used to make large and small baskets, fruit baskets, serak (a type of basket), lekar (place mats for pots), mats, cradles, walking sticks, silat staves, bird cages, pungkis (for carrying soil or rubbish), whipping canes and many others, it is obvious that rattan is a part of our history.

Percetakan
ZULRAHIM
Sendirian Berhad

SMART PRINTING
&
CREATIVE DESIGN

Email: prczulrahim@yahoo.com.my

Lot 1811, Bangunan KPKB, Kg. Paya Rambai, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Tel: 019-9976513, 019-9194514, 019-9566514

Salam *Aidilfitri*

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

DAN KAMI JADIKAN TIAP-TIAP
SESUATU YANG HIDUP DARI AIR
Surah Al-Anbia (Ayat 30)



AIR KELANTAN SDN BHD

Tingkat 5, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,
Lot 2 & 257 Jalan Kuala Krai 15050 Kota Bharu, Kelantan
09-743 7777 | 09-747 2030

www.airkelantan.com.my

Aduan Pusat Informasi & Talian Aduan AKSB

PINTAS
1-300-88-2572

PANTAI SURI HOMESTAY

More than Just an Island

by USMAN IBRAHIM

Photo Fathi Shafiq & Azmihan Muhammad



If you are travelling or going on a holiday, which of these activities would appeal to you: chasing fireflies, catching grasshoppers, catching crabs or cruising along a river? Of course, it comes as no surprise if you choose to indulge in all the activities.

If you choose the Kampung Pantai Suri Homestay, Tumpat, Kelantan as your holiday destination, you will get plenty of opportunity to experience and enjoy all the activities.



In fact, other activities such as batik painting, mat weaving, making traditional cakes, flying the wau, climbing coconut trees and taking part in traditional games await you at this fishing village.

If you are on holiday with your family, these activities will come more alive giving enjoyment and pleasure, making it a memorable and an unforgettable experience. These activities are unique to this place only and thus, cannot be found at other holiday destinations.

The homestay at Pantai Suri Island, Tumpat, Kelantan which is managed by the Tumpat Fishermen's Association, Kelantan will give you an entirely new experience especially if your family has never had a taste of kampung life.

This homestay holiday not only provides accommodation in a kampung environment when you to step into a Malay fishing village, but also to marvel at nature's bountiful beauty of the islands located at the mouth of the Kelantan River.



You will stay with a foster family among the local village folks. Immerse yourself in the traditional Malay way of life as the locals still uphold and practise the traditions and cultures of the Malay community.

According to the Chairman of the Tumpat Fishermen's Association, "This village which is inhabited by about 400 people is exemplary to the other villages in the District of Tumpat. This village has won a number of awards in village adornment and Independence Month competitions."

"Although situated quite a distance from mainland Tumpat, the island is more developed compared to the surrounding islands," he said.



If you are keen to indulge in a village homestay holiday amidst traditional surroundings and stunning environs, you can make reservations by contacting the Tumpat Fishermen's Association at Persatuan Nelayan Kawasan Tumpat, Kompleks Perikanan LKIM Geting, Pengkalan Kubor, 16080 Kelantan, or by contacting 09-7211 288 or 09-7212 177.



"The villagers are warm and friendly, in fact, they come together to participate in every community activity," he explained further.



Synopsis

A beautiful holiday destination, this homestay will give you a holiday to remember with various activities to enjoy. It is a perfect way to unwind for a few days, forgetting all the responsibilities at work. You will get to take part in things you might never find in other places and have a taste of what 'kampung' life is all about. Surrounded by serene beauty, this holiday trip is a chance you don't want to miss.

LAKSAM

Oleh : Zanazanzaly

Menu Pelerai Rindu Dendam

Suatu waktu dahulu pernah seseorang memberitahu penulis, betapa berterus terang itu merupakan suatu amalan budiman. Namun, apabila menyentuh tentang perasaan, adakalanya membisu seribu bahasa adalah lebih meninggalkan kesan mendalam.

Pengalaman seumpama ini, sebagai salah satu pedoman dalam hidup, ternyata pula menunjukkan bahawa banyak hal adalah seringkali lebih baik tidak diungkapkan. Mungkin ramai memilih diam sebagai medium aksi memainkan peranan.

Tetapi, alangkah elok jika diam itu adalah ala ubi, bukan penggali. Justeru, bukankah tindakan lebih berkesan daripada ucapan? Dari sini bermula resepi laksam, amat molek disajikan sebagai menu simbolik pelerai rindu dendam.

Daripada sibuk melayan geram akibat rindu yang sekian lama terpendam terhadap seseorang yang jauh di mata, lebihlah baik memikirkan cara-cara membuat laksam agar dapat disajikan apabila insan yang dirindui itu berada di hadapan.

Jikalau ada rakan-taulan atau jiran yang bertindak memutuskan tali silaturahmi sesama insan, maka laksam juga boleh dijadikan simbolik penjalin semula hubungan yang dahulunya pernah dirasai nikmat kemanisan tautan perasaan.

Dengan wajah manis bersungging senyuman, masukkan tepung beras sebanyak tiga cawan dengan enam sudu besar tepung jagung. kemudian curahkan air enam cawan serta taburkan sedikit garam ke dalam bekas adunan. Perapkanlah selama setengah jam.



Sementara menanti hasil perapan doh laksam sehati sebelum dikukus dalam loyang, seraya berselawat ke atas Rasul Junjungan sebagai penawar geram natijah kerenah manusia yang pelbagai ragam, bolehlah menyangi dan membasuh bersih tiga ekor ikan selayang, kemudian rebus hingga masak dengan api yang sederhana perlahan. Tindakan ini ibarat membuang dan menyucikan segala kesumat dendam yang berkalang menguasai perasaan.

Tinggalkan seketika rebusan ikan, parut dan perahlah kelapa untuk mendapatkan satu tin susu santan. Nah, putih santan itulah arca keikhlasan yang sudah pun dizahirkan.

Tanpa bergumam, kisar lumat campuran setengah labu bawang besar, empat ulas bawang putih, satu inci halia, satu batang serai bersaiz besar, dua sudu kerisik, lada sulah, seinci lengkuas serta gula dan garam secukup rasa lalu tumiskan kesemuanya dengan sedikit minyak masak dalam periuk yang sudah pun dipanaskan. Kacau sehati sampai naik bau yang menyelerakan.

Tapis ikan dengan air rebusan, simpan air rebusan. Ikan yang ditapis kemudian dikisar hancur lalu dimasukkan ke dalam periuk yang berisi bahan tumisan.

Kacau sehati sambil perlahan-lahan tuangkan melalui tapisan air rebusan ikan ke dalam periuk tadi dan kacau lagi sampai mendidih. Kemudian masukkan santan dan asam keping. Kacau lagi hingga mendidih sambil membayangkan segala rasa yang tidak senang dalam jiwa sudahpun hilang ketika proses menyangi dan menyucikan segala kotoran pada ikan. Api dendam juga padam bersama keikhlasan yang



bersimbolkan putih santan dijirus ke atas bahan tumisan yang aromanya sangat menyelerakan. Sediakan pula kukusan atas api yang perlahan.

Sapukan sedikit minyak pada loyang dan letakkan loyang ke dalam kukusan. Tuangkan dua senduk doh laksam yang diperap selama setengah jam tadi ke dalam loyang dan kukus hingga masak sempurna tanpa ada lagi kelihatan air yang membasahi doh tersebut.

Doh itu pun sudah bertukar wajah menjadi seperti lempeng putih berkilat. Keluarkan dari loyang, ulang proses sendukan dan kukus berulang-ulang sehingga habis kesemua banchuan laksam. Tunggu suam baru boleh dipotong bulat-bulat untuk dihidangkan bersama kuahnya yang sangat lazat.



Selangan sementara menunggu kepingan laksam suam, hiris telur rebus, daun salad, daun kesum, mentimun, kacang panjang, taugoh dan bunga kantan sebagai ulam-ulaman. Penambah perisa yang jarang ditinggalkan ialah sambal belacan atau cili tumbuk yang juga tidak pernah dikecualikan.

Sebaik sahaja gerangan yang ditunggu pun tiba, tersedia di atas meja - sehidangan laksam bersifat gulungan kepingan lempeng putih berkilat yang dipotong bulat-bulat, disirami kuah ikan yang bersebat dengan segala rempah ratus yang lazat, ditaburi pula beraneka warna dan rupa ulam-ulaman berkhasiat. Maka, lengkaplah satu lagi sajian masakan Melayu yang bumbu dengan falsafah kehidupan yang tersirat, sebagaimana maksud kata nenek moyang Melayu yang bijaksana, betapa kita tidak akan rugi membuat orang lain hidup dalam kebahagiaan yang terhampar dalam dimensi yang beragam, yakni sebagaimana menu laksam yang sangat unik dan simbolik diresepikan mereka sebagai menu pelerai rindu dendam.



Laksam sedia dimakan



Laksam siap dihidang

PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

Jalan Sultan Ibrahim, 15050 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
Tel: 09-741 4444 / 4447 Faks: 09-741 4443
E-mel: info@annisa.com.my



Inilah pilihan anda...
PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

- KLINIK PAKAR KANAK-KANAK
- KLINIK PEMBEDAHAN AM
- KLINIK PAKAR SAKIT PUAN
- KLINIK PAKAR SAKIT TUAN
- KLINIK ENT
- KLINIK PAKAR PERUBATAN KELUARGA

KEISTIMEWAAN AN-NISA'

- Pakar Sakit Puan Wanita
- Pemeriksaan Bayi oleh Pakar Kanak-kanak
Ujian Pendengaran Bayi
Ujian Saringan Bayi
Imunisasi Bayi Selepas Bersalin
- Pembantu Terdiri Daripada Kakitangan Wanita
- Kaunseling Daripada Ustazah
- Perwatan Penjagaan Bayi

PERKHIDMATAN KAMI

- Pembedahan Am (Major Case)
Apendicectomy (Apendik)
Herniaphy (Uluran)
- Pembedahan Kecil (Minor Case)
Avfistula (Urut vein dan artery untuk rawatan haemodylisis)
Excision (Buang ketumbuhan kecil)
Circumciission (Bersunat dewasa & kanak-kanak)
Fototerapi

PERKHIDMATAN LAIN-LAIN

- Rawatan Am
- Rawatan Bayi Am
- Rawatan Antenatal / Postnatal
- Rawatan Asma
- Pap Smear
- Ujian Makmal
- Medical Check Up

**TABUNGAN MESRA
SIMPANAN SERENDAH
RM50.00**



Bermula dengan modal hanya RM 100

Untuk membina satu nama besar ini bukan sesuatu perkara yang mudah. Sebelum nama ini dikenali ramai hingga ke luar Kelantan, pelbagai dugaan serta halangan telah dilalui penuh liku.

Selepas perniagaan yang diceburinya pada peringkat awal seperti berniaga di pasar malam, menjual alatan tajam seperti pisau dan badik serta menjual pokok-pokok bunga, bidang jualan langsung tupperware tidak berjaya, akhirnya beliau telah mula menceburkan diri dalam produk makanan, iaitu Mohammad mula beroperasi.

Sekitar akhir tahun 80-an hingga kini, iklan M.H Mohammad begitu sinonim pada pendengaran masyarakat tempatan apabila ianya berkumandang di stesyen Radio 3 RTM Kota Bharu atau kini Kelantan fm.

"Cuka, kicap, colek habih belako doh ni," ujar si isteri
"Aloh baru beli jah, tok ke habih doh," ujar si suami pula
Isteri mencelah "tok habis guano mugo sedak, kalu nok beli... jange beli hok lain...beli M.H Mohammad...."
Itu antara dialog iklan yang sering disiarkan oleh stesyen radio berkenaan khususnya pada bulan Ramadhan.

"Biarpun ianya dibayar RM1juta, saya tidak akan menjualnya kerana untuk membina nama itu bukan satu perkara yang mudah apa lagi pelbagai dugaan dan halangan telah dilalui" ujar pemiliknya Muhammad bin Yusof, 52 ketika ditemui di kilang membuat produk itu Kampung Morak, Tumpat baru-baru ini.

Dengan bantuan isteri Hazizah Hamad, 50, beliau memulakan langkah meneruskan perniagaan baru di rumah dengan modal permulaan sebanyak RM100. Dengan modal sebanyak itu, beliau membeli beberapa kelengkapan yang perlu termasuk botol. Akhirnya terhasillah sos cili dan sos tomato sebanyak 36 botol.

Ilmu perlu dicari, pasaran perlu ditingkatkan, akhirnya selepas dua tahun menceburkan diri dalam bidang itu, Muhammad mengikuti kursus berkenaan di MARDI, FAMA dan Jabatan Pertanian. Hasil usahanya yang tidak pernah lelah bersama isteri, akhirnya selepas tiga tahun mereka menceburkan diri dalam bidang itu, nama produknya mula dikenali masyarakat.

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

"Pada peringkat awal produk yang dihasilkan hanya tiga dozen sahaja, namun selepas itu ianya bertambah dari 10 hingga ke 30 dozen. Malah ianya juga begitu laris di kedai, ujarnya. Beliau mengakui dalam tempoh tiga tahun tidak perlu membicarakan soal untung memandangkan produk yang dihasilkan hanya menjurus kepada pengenalan. Banyak produk yang dihasilkan telah diberikan kepada kenalan dan kenalan yang lain pula menghadihkan kepada rakan-rakan mereka.



"Saya perlu melalui detik ini walaupun masih belum mendapat untung dan penat kerana apa yang penting diperingkat awal membina nama agar ianya dikenali ramai selepas mereka boleh menerima produk saya"

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

JENAMA KELANTAN

Walaupun beberapa buah kedai runcit telah membantunya menjual hasil usahanya itu, namun beliau bersama isteri menjualnya sendiri di pasar-pasar malam, siang pula berniaga di pasar Wakaf Che Yeh walaupun terpaksa membawa anak-anak yang masih kecil. Menurut Muhammad lagi, hampir setiap malam beliau keluar berniaga ke pasar-pasar malam sambil membawa produk yang dihasilkan untuk dijual serta diperkenalkan kepada orang ramai khususnya di Jajahan Kota Bharu.

Pada mulanya beliau membawa isteri dan anak-anak serta produk dengan kereta, namun apabila perniagaannya semakin meningkat, beliau membeli sebuah van C 20 yang bernilai RM2,500 ketika itu. Selepas 10 tahun beroperasi di rumah sendiri dan seterusnya di rumah sewa di Kampung Kubang Palas, Tendong, akhirnya M.H Mohd mula memiliki kilangnya sendiri yang bernilai RM500,000 melalui pinjaman.

Bermula dari situ, beliau masih mendapat khidmat nasihat dari MARDI khususnya berhubung teknologi dan FAMA serta Jabatan Pertanian tentang pertanian. "Lada saya memperolehinya di tempat kita sendiri atau di luar Kelantan, namun bahan-bahan lain perlu diimport kerana tiada ditempat kita atau harganya begitu tinggi berbanding diimport sendiri," ujarnya.

Pada tahun 1990, beliau meningkatkan lagi pengeluaran produknya seperti kicap dan pencicah. Produk ini juga turut mendapat sambutan orang ramai sehingga kini malah ianya menjadi antara yang terlaris berbanding yang lain. Walaupun tiada pengalaman khusus dalam pembuatan roti dan kek, namun kerana beliau mempunyai sedikit modal, beliau turut membeli sebuah kilang membuat roti dan kek di Tendong dengan harga RM60,000. Beliau bersyukur kerana projek berkenaan berjalan lancar dengan usaha gigih para pekerjanya yang sentiasa setia bersama.

Dengan pertambahan produk yang kini berjumlah 28 jenis serta kilang yang baru, pekerjanya kini berjumlah 43 orang dan bertugas di pelbagai bahagian. Ketika ditanya kenapa M.H Mohd dipilih, beliau memberitahu ianya adalah gabungan antara namanya dengan isteri, iaitu M 'Mohammad, H 'Hazizah dan Mohd adalah namanya.

Beliau kini telah memperkenalkan produk baru, iaitu kicap perang sebagai perisa baru dalam masakan. M.H Mohd kini mampu mengeluarkan sebanyak 5,000 botol produk sehari dari pelbagai jenis produk yang dihasilkan. Bagaimanapun jumlahnya meningkat kepada 10,000 botol sehari apabila tibanya musim perayaan seperti Aidilfitri dan Aidiladha berikutan pertambahan penggunaan terhadap produknya.

Hasrat Mohammad agar produknya menjadi warisan keluarga walaupun beliau sudah tiada lagi begitu tinggi. Malah beliau bersyukur kerana tiga daripada lima orang anak-anaknya telah membantu beliau menguruskan produknya itu.



FATINA

"Saya menghantar 2 orang daripada mereka untuk belajar bidang akaun bagi memudahkan saya mengurus perusahaan ini nanti, iaitu Hafizah dan Nusliana," ujarnya lagi.

Menurutnya, beliau pernah melahirkan hasrat kepada anak-anaknya untuk menjual perusahaannya itu kepada orang lain dengan alasan tiada erti ianya diteruskan sekiranya tiada yang berminat untuk mewarisinya. "Alhamdulillah saya bersyukur, akhirnya mereka memahami hasrat saya, malah khidmat mereka begitu diperlukan apa lagi saya berhasrat untuk memperkenalkan produk kita ini ke negara luar seperti Dubai, Beijing malah saya pernah ke sana untuk menguruskan perkara ini," ujarnya.

Beliau bagaimanapun terpaksa membuat kajian serta mempelajari bagaimana cara untuk ke peringkat itu memandangkan maklumat yang diperolehi banyak produk masyarakat di negara ini tersadai begitu sahaja tanpa mendapat sambutan.

"Kerana itu saya nasihatkan anak-anak saya supaya mempertingkatkan Bahasa Inggeris dan yang paling penting berniaga ini kita perlu ada etika. "Untuk membuat sebarang keputusan kita perlu membuat kajian terlebih dahulu bukan sahaja modal sebaliknya juga implikasi yang bakal diperolehi sekiranya kita menceburkan diri dalam sesuatu bidang disamping bakal pelanggan juga perlu dikenal pasti, ianya bukan satu perkara yang mudah,"ujarnya.

Untuk mencipta nama dalam perniagaan, setiap dari mereka mesti berhadapan dengan masalah persaingan serta fitnah dalam perniagaan. Bagaimanapun katanya, persaingan itu biarlah dilahirkan dalam bentuk yang sihat kerana ianya dapat membantu meningkatkan kejayaan dalam perniagaan.

Berhubung dengan fitnah pula, beliau mengakui pernah melaluinya kerana ada pihak yang tidak ber-




tanggungjawab menyebarkan berita tidak benar kononnya beliau telah menjual syarikatnya itu kepada orang bukan Islam.

"Jadi MH Mohd yang ada di pasaran kononnya telah dihasilkan oleh orang bukan Islam dan bukannya dari saya, namun saya menerimanya dengan tabah kerana ini semua sebahagian ujian yang perlu saya hadapi dalam perniagaan," ujarnya. Dengan kenaikan harga barang yang entah beberapa kali, beliau terpaksa mengekalkan harga produknya agar pelanggan sentiasa menjadikan produknya sebagai 'produk pilihan'.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari laman web <http://www.mhmohd.com> atau hubungi talian 09-7194475, atau kunjungi MH Mohd di Lot 2964, Kg Paloh, Jalan Morak, 16250 Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE



KELANTAN TOURISM INFORMATION CENTRE MALAYSIA
 Jalan Sultan Ibrahim, 15050 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
 Tel: 609-748 5534 / 748 3543 Fax: 609-748 6652
 Website: www.tic.kelantan.gov.my e-mail: tic@kelantan.gov.my

Majestic Baru Satu-satunya Cat EcoHealth™.

BARU!

JOTUN
 Interior Finest Quality
MAJESTIC
 Pearl Silk
 EcoHealth

Majestic EcoHealth™ ihan yang lebih hijau dan sihat.

Renovasi dan Kesihatan merupakan gerah yang paling berharga. Dengan perhatian terhadap Alam Semulajadi dan kesihatan yang semakin meningkat, Jotun memperkenalkan rangkaian produk Majestic EcoHealth™ terbaru. Majestic EcoHealth™ dijamin:

- 100% bebas dari APEO.
- 100% bebas dari Formaldehid.
- 100% bebas dari Logam Berat.
- Dwi-perindungan dengan Anti-Bakteria dan Anti-Kulat.

Hubungi Pusat Multicolor Jotun dekat anda hari ini!

JOTUN (MALAYSIA) SDN BHD

KPKB
 KUMPUAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (No. 342122-U)
 Lot 1809, Bangunan KPKB, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
 Tel : 09-7474353 / 09-7444351 Fax : 09-7485787 Email : kpkb@streamyx.com Web : www.kpkb.com.my / www.kpkb.biz

"Bertani Satu Ibadat"
 Anak Syarikat :-

KPKB
LIVESTOCK SDN BHD

- Menyediakan pusat jualan lembu untuk tujuan akikah, korban dan kenduri.
- Menjual makanan ternakan berkualiti dan murah.

Hubungi : 012-9222965 (En. Hakimi)

MMSB
MURNI MARKETING SDN. BHD.

Hubungi : 019-9614716 (En. Rosmadi)

DAMAI
DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD.

- Meneruskan pembangunan ladang rakyat dengan konsep baru - Ladang Gaharu.
- Bergerak dalam pembangunan pertanian bersepadu.
- Meneroka bidang perusahaan ternakan walit.
- Menjalankan bisnes lanskap dan yang berkaitan nurseri.

Hubungi : 012-9082181 (En. Hasnan)

Facilities/Kemudahan

- Wifi-fi
- Airconditioned/Penghawa Dingin
- Television LCD
- Extra bedding on request/Tilam & kelengkapan tambahan - RM25.00/day
- Pasar Borong Wakaf Che Yeh nearby/Berhampiran Pasar Wakaf Che Yeh - 100 meter
- 24 hours reservation/24jam dibuka
- ASTRO available at rooms/Siaran ASTRO di semua bilik penginapan
- Boutique-Batik available at Lobby hotel (Ombak Batik Exclusive)
- Fastfood (Mc Donald) & Kelantan Thai Food Reastaurant nearby

Hotel Ombak Boutique
 Bertempat di Wakar Baharu lengkap dengan pelbagai kemudahan asas serta pakej-pakej yang berpatutan, sesuai untuk pengunjung berkeluarga

ROTI TEMPAYAN

Oleh Usman Ibrahim

Populer dan Unik di Kelantan

Suasana orang ramai bertali arus di sana sini, di segenap ceruk, untuk mencari medan selera masing-masing sebenarnya merupakan suatu fenomena yang istimewa, menarik dan meriah di Negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Terutama jika bagi kalangan pelancong semasa berada di pusat bandar – Kota Bharu, mereka sudah pasti akan turut dapat merasai suasana betapa meriah masyarakat Kelantan, siang dan malam, berpusu-pusu ke Pasar Besar Siti Khadijah, medan selera tertentu dan pelbagai gerai makanan untuk membeli makanan atau berjamu selera.

Berpagi-pagi lagi, masyarakat Kelantan boleh dikatakan tidak boleh dipisahkan dengan nasi berlauk, nasi dagang, nasi kerabu, nasi impit, nasi tumpang, nasi lemak dan sebagainya. Tengah hari, memanglah sudah menjadi kelaziman untuk menjamu selera dengan nasi pelbagai lauk-pauk, ulam-ulaman dan sambal.

Pada sebelah petang pula, masyarakat Kelantan sudah lazim dengan selera yang terkenal unik, iaitu suka mrnjamu selera dengan kuih-muih yang manis-manis.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah, jika pada sebelah petang terdapat berbagai-bagai jenis kuih-muih yang lazat, manis dan sungguh menyelerakan, mudah ditemui di segenap ceruk tempat – di pusat bandar dan semua kampung – di negeri Kelantan.

Dalam 'keistimewaan' pelbagai pilihan makanan dan kuih-muih ini, salah satu makanan yang turut popular di Kelantan ialah roti tempayan. Roti tempayan yang asalnya merupakan salah satu makanan asasi dalam kalangan masyarakat di Asia Barat dan Asia Tengah ini, pada hakikatnya memanglah popular di Malaysia, terutama di ibu kota – Kuala Lumpur, pusat-pusat bandar dan bandar-bandar kecil lain di negara ini.



QLADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE



Roti tempayan dihidangkan dengan pelbagai lauk

KELANTAN SANA-SINI

Namun di Kelantan, roti tempayan sebenarnya boleh dianggap sebagai suatu fenomena yang cukup popular dan unik. Hal ini demikian kerana jika dibandingkan dengan kebanyakan negeri lain di negara ini, umum boleh dikatakan bahawa hampir-hampir tiada ceruk daerah dan kampung di Kelantan yang tidak terdapat kedai roti tempayan. Demikianlah popularnya roti tempayan dalam kalangan masyarakat Kelantan. Seolah-olah, roti tempayan adalah salah satu sinonim 'budaya selera' orang Kelantan.

Di Kelantan, jika di pusat bandar dan bandar-bandar kecil – seawal jam 9.00 pagi, biasanya penggemar roti tempayan sudah boleh mengisi selera di mana-mana kedai roti tempayan pilihan mereka.

Lazimnya, setiap penggemar roti tempayan ini mempunyai kedai popular masing-masing. Populariti ini berdasarkan kecenderungan tertentu. Biasanya berdasarkan alasan atau tanggapan: 'kedai tua', kemahiran cara menguli gandum, pilihan jenis gandum, jenis kuah atau lauk, dan sebagainya.

Jika di sekitar kampung pula, roti tempayan lazimnya menjadi pengisi selera pada sebelah hujung petang dan malam. Hal ini kerana pada sebelah pagi, masyarakat kampung sibuk dengan pekerjaan masing-masing. Oleh yang demikian, kelapangan mereka hanyalah pada waktu hujung petang dan malam. Pada masa senggang inilah mereka dapat berkunjung ke kedai roti tempayan untuk mengisi selera sambil bertemu dan berbual mesra dengan rakan-taulan.

Itulah sebabnya di segenap ceruk kampung, 'budaya roti tempayan' adalah popular pada sebelah petang dan malam.

Suatu hal lain yang boleh dianggap sungguh unik dan menarik dalam kalangan sesetengah penggemar roti tempayan di negeri Kelantan ialah kebanyakan mereka sanggup 'berkereta' jauh, ke mana-mana daerah atau kampung, semata-mata untuk mencuba selera roti tempayan. Selera ini sebenarnya lebih disebabkan oleh rasa ingin cuba merasai perbezaan kelazatan jenis kuah atau masakan lauk-pauk yang dimakan bersama roti tempayan.

Menariknya, lazimnya mereka 'berkereta' secara berkumpulan. Kebiasaannya, cara ini ialah untuk berjamu selera roti tempayan pada waktu malam. Selain bertujuan mengisi selera, hakikatnya ialah mereka turut dapat melapangkan fikiran dan berpeluang mengenali ceruk kampung lain. Itulah sebabnya mereka sanggup 'berkereta' jauh, walau ke mana daerah atau kampung.



Demikianlah keunikan fenomena dan populariti 'budaya roti tempayan' di negeri Kelantan. Di samping, budaya makanan ini benar-benar dapat memberikan peluang menjana pendapatan agak lumayan bagi kalangan penjual roti tempayan di negeri makmur ini.



Pakej Umrah
Tiket Penerbangan
Pelancongan Dalam Negara
Pelancongan Luar Negara
Penginapan Hotel

No. Tel Hotel: 09-747 8989
 Faks Hotel: 09-747 7666
 Tel. Bimbit: 013-923 7000

Wisma Al Quds, 650, Jln Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim
 Tel: 09-747 9999 Faks: 09-747 5105
 Tel. bimbit: 013-339 9000
 Laman Web: <http://alquds.com.my>

Al Quds TRAVEL SDN BHD

Peta ke Al Quds Travel

Rami di sini!

NORTH is RED in the Shed



DR. MOHAMED BIN AWANG LAH

Oleh Nazri Abdullah



Berhijrah Demi Mengejar Ruang & Peluang

Pengenalan

DR MOHAMED BIN AWANG LAH merupakan antara nama besar dalam bidang telekomunikasi dan internet di negara kita. Anak kelahiran Kelantan ini berhijrah ke Kuala Lumpur, mencipta nama dalam bidangnya sehingga kini diberi nama jolokan "Bapa Internet Malaysia". Antara sumbangan besar beliau adalah menghubungkan rangkaian komputer pertama di Malaysia dengan rangkaian luar negara dalam projek RangKoM (Rangkaian Komputer Malaysia). Bagi mengetahui kenapa beliau berhijrah membina kerjayanya di ibu negara, ikuti temubual wartawan Qiadah bersama beliau.

QIADAH : Assalamualaikum, terlebih dahulu terima kasih kerana Dr sudi menerima kunjungan Qiadah. Sebelum berbual lanjut, boleh Dr ceritakan secara ringkas biodata Dr?

Dr Mohamed : Pertamanya terima kasih kepada sidang editorial majalah Qiadah kerana memilih saya kali ini untuk ditemubual. Sedikit tentang diri saya. Secara tepatnya, saya sebenarnya dilahirkan di Kampung Tiong, Kubang Kacang, Kota Bharu pada 10 november 1953. Kemudiannya berpindah dan dibesarkan di Kampung Dalam Kar, Batu 4, Jalan Kuala Krai. Saya adalah anak kedua dari lima orang adik beradik. Isteri saya Mahani Mustapha, dan kami dikurniakan tiga orang cahaya mata, seorang putera dan dua puteri dan kami sekeluarga menetap di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Saya sudah bersara pada November tahun lalu dan kini menguruskan syarikat sendiri juga berkaitan bidang telekomunikasi dan internet.

Q : Boleh Dr ceritakan berkenaan pendidikan awal Dr sehingga pengajian peringkat tertinggi?

Dr : Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kota, Kota Bharu (1960-1965), kemudian ke Sekolah Menengah Rendah Kota, Kota Bharu sehingga lulus Sijil Rendah Pelajaran (SRP) (1968). Selepas itu saya mendapat tawaran ke sekolah berasrama penuh iaitu di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur sehingga tamat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (1972).

Kemudian saya mendapat tajaan Lembaga Letrik Negara (LLN) untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di University Of London, United Kingdom, dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sehingga dianugerahkan Ijazah Kelas Pertama dengan kepujian dari University of London King's College pada tahun 1976.

Setelah balik ke Malaysia, saya kemudiannya bekerja di LLN selama sebulan sebelum bertukar menjadi pensyarah di Fakulti Kejuruteraan di Universiti Malaya (UM) di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB). Kemudian saya kembali ke University Of London untuk menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah.



sebagai Naib Presiden MIMOS (1996-2000). Selepas merangkap Ketua Pegawai Operasi MIMOS sehingga 2001. Di MIMOS, pembangunan internet ditingkatkan sehingga membawa kepada penubuhan JARING.

Kemudian, saya dilantik sebagai Ketua Eksekutif JARING sehingga tahun 2004 sebelum dinaikkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif JARING Communications Sdn Bhd sehinggalah saya bersara November tahun lalu. Sekarang saya masih lagi terlibat dalam Lembaga Pengarah di JARING Communications Sdn Bhd, Pengerusi Lembaga Pengarah UNITEN dan Pengarah MYNIC Berhad.

Selain khidmat tersebut, saya juga pernah terlibat di SIRIM sebagai Pengerusi Jawatankuasa Standard Industri bagi Teknologi Maklumat (1990-1999). Di DBP pula saya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Istilah Komputer (1989-1993) dan kemudian di Pusat Sains Negara sebagai Pengerusi Pasukan Petugas Pameran Komputer (1993-1995).

Saya kemudian dilantik sebagai Ahli Lembaga Senat Universiti Terbuka Malaysia (OUM) pada tahun 2000 sehingga kini. Pada tahun 2007 hingga 2008 saya dilantik pula sebagai Ahli Jumaah Governor KLIUC kemudian pada 2009 hingga 2010 saya dilantik sebagai Pengerusi Persatuan Pengendali Internet Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Q : Bagaimana pula dengan perjalanan karier Dr?

Dr : Selepas pulang ke tanahair pada tahun 1976, saya berkhidmat sebagai Penolong Jurutera, di Lembaga Letrik Negara. Selepas itu berpindah ke UM sebagai pengajar sehingga tahun 1980. Kemudian saya menjadi pensyarah di UM sebelum dilantik sebagai Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan, UM sehingga tahun 1984. Di UM, saya sempat membangunkan kemudahan komputer untuk fakulti khususnya dalam bidang internet.

Selepas itu, saya menyertai MIMOS sebagai Pengarah Sistem Komputer selepas diundang Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen (Ketua Pengarah MIMOS pertama) untuk menubuhkan MIMOS pada awal 1985. Saya memegang jawatan Pengarah sehingga tahun 1996 sebelum dilantik itu saya dipertanggungjawab pula sebagai Naib Presiden Kanan MIMOS (1996-2000). Selepas merangkap Ketua Pegawai Operasi MIMOS sehingga 2001. Di MIMOS, pembangunan internet ditingkatkan sehingga membawa kepada penubuhan JARING.



Q : Dengan rekod perkhidmatan dan jasa Dr, tentunya banyak anugerah yang telah diberikan kepada Dr oleh pelbagai pihak. Boleh Dr kongsikan dengan Qiadah?

Dr : Sebenarnya saya tidak suka untuk menceritakan pencapaian saya, takut nanti orang kata kita berbangga diri pula. Paling tinggi, saya dikurniakan Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN) oleh Yang DiPertuan Agong pada tahun 1993 dan Darjah Johan Setia Mahkota (JSM) pada tahun 2000. Selain itu, sewaktu di Sek. Alam Shah 1973, saya menerima Hadiah Pelajar Aminudin Baki (pelajar terbaik STPM Aliran Sains).

Kemudian saya dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang empat tahun berturut turut dari 1991-1994. Kemudian dipilih menjadi Felo Akademi Sains Malaysia pada tahun 1998.



Pada 2006, saya dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris manakala Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada tahun 2009.

Q : Boleh Dr kongsikan dengan pembaca Qiadah, apa resepi kejayaan doktor sehingga Dr berada ditahap ini pada hari ini?

Dr Mohamed: Saya tidak ada resepi khusus untuk semua ini. Namun apa yang boleh saya kongsikan, saya berpegang kepada perinsip bahawa apa sahaja yang kita buat, mesti buat bersungguh-sungguh. Saya percaya, tidak ada sesuatu perkara yang kita tak boleh buat, asal kita bagi tumpuan sepenuhnya kepada apa yang kita nak capai. Itulah apa yang saya pegang selama saya mengejar cita-cita saya. Dan semangat itu juga saya terapkan kepada pelajar-pelajar saya, pekerja saya serta anak-anak saya sekarang ini.

Q : Kembali kepada maksud awal temubual kita. Dr adalah anak jati Kelantan, namun apakah faktor yang menyebabkan Dr berhijrah keluar dari Kelantan.

Dr : Seperti yang saya ceritakan dalam perjalanan hidup saya tadi. Saya mula berhijrah meninggalkan negeri kelahiran saya ketika saya diterima masuk ke asrama penuh di Sekolah Alam Shah sejak tingkatan 4 lagi. Boleh dikatakan saya ke Kuala Lumpur ini kerana dibawa arus menuntut ilmu bagi mengejar cita-cita saya. Saya dari sekolah rendah lagi bercita-cita nak jadi jurutera.

Saya kejar cita-cita saya itu penuh keazaman. Sewaktu di sekolah menengah, saya pernah dipelawa untuk bertukar ke aliran Inggeris tapi saya bertekad meneruskan pelajaran dalam aliran Melayu. Pada waktu itu, tidak ada pilihan lain. Saya bersekolah di Kuala Lumpur kerana saya rasa lebih mudah mencapai cita-cita saya pada waktu itu. Lagipun semua kemudahan pada waktu itu ada di Kuala Lumpur. Boleh dikatakan juga, saya berhijrah ke Kuala Lumpur kerana mengejar ruang dan peluang yang ada.



Q : Pada pendapat Dr, kenapa ramai anak Kelantan yang berjaya, berhijrah ke luar Kelantan?

Dr : Pada pandangan saya lah, mereka berhijrah kerana mereka sudah mendapat peluang di sini khususnya peluang pekerjaan atau perniagaan. Bukan anak Kelantan sahaja yang ramai berhijrah, anak-anak negeri lain pun sama juga. Mungkin faktor peluang pekerjaan yang lebih luas berbanding di negeri masing-masing, yang kedua faktor pasaran bagi yang berniaga. Pasaran dan permintaan di sini mungkin lebih luas berbanding di negeri kelahiran mereka. Selain itu mungkin juga faktor kemudahan infrastruktur yang agak lengkap di sini. Saya tidak nafikan pembangunan di negeri-negeri lain termasuk Kelantan, namun mungkin keadaannya tidak sama.

Q : Jika ditakdirkan Dr ditawarkan untuk berkhidmat di Kelantan dengan keadaan negeri di tahap hari ini, adakah Dr sedia menerima tawaran tersebut?

Dr : Sudah tentu. Kalau ada peluang saya ingin berkhidmat di negeri kelahiran saya kalau saya diperlukan. Tapi setakat ini saya belum lagi fikir ke tahap itu. Tengok la kalau ada tawaran dulu.



MAJAARI SERVICES
SDN BHD (MSSB)

SUDAHKAH ANDA
MENGOSONGKAN
TANGKI SEPTIK
DI KEDIAMAN ANDA?

Tahukah anda tangki najis perlu dikosongkan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun.
Ambil tindakan & segera mengosongkan tangki anda.

Kami menyediakan perkhidmatan
Pengosongan Tangki Septik
Pembersihan Sumbatan

Talian pengguna: 09-7470005



Ziarahilah Kelantan

Jika kamu Melayu, ziarahilah Kelantan ini
Negeri kurang maju tetapi cukup jaga jatidiri
Selatannya Pahang dan Terengganu,
Berjiran jua Perak, Kedah. Bersempadan Pattani.
Dimasinkan budu, dimaniskan madu
Diperkasakan agama dan diperkayakan seni
Hemah dirinya berbahasa hamba
Menyahut cabaran, tidak akan lari
Demi maruah dijaga hingga rela mati

Tanah kami terbentang menerima datang
Bagai meja makan sedia ikhlas untuk tetamu,
Cuma hidangannya sedap ala kadar
Di sini tiada cemburu dan iri
Sentuh dan rasailah hati budi kami
Angin dan tanahnya berhembus mendatar
Tidak seperti lain negeri,
Bukit dan gunungnya tinggi-tinggi
Sukar didaki anak-anak sendiri

Gua Musang akan menyambutmu
Batas Taman Negara ini indah tersendiri
Tersergam menonjol bukti kuasa Ilahi
Kota bergua punya keteguhan dan keramat,
pintu menghala daerah barat
Lebuh raya menjalar ke sempadan luar

Kota besar Kuala Krai gah dalam kitab sejarah
Khabarnya pelayar I-Ching benua China ada singgah
Raja puteri berdaulat di Tanah Serendah
Sekebun Bunga sang kijang bercanda
Kekal berlambang selaku tanda bendera merah

Kampung Machang kini pekan singgahan
Bandar berjenama buah wangi, masam dan manis
Maju berkembang, menghubungi empat penjuru jajahan
Sawah saujana dusun buahan ladang berbaris

Pasir Putih tanah asal sang pahlawan
Tok Janggut gelaran buat Tuan Haji Mat Hassan
Memugar Inggeris bukan derhaka baginda sultan
Pantang tunduk, lebih baik menjihad korban
Menerima syahid bersemadi di Pasir Pekan



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Tanah Merah



Tanah Merah, bandar lama kereta api lalu
Bukit Panau menambat hati pengunjung
Jambatan bersejarah merentang arus sungai
Kanan kiri saudara mara mesra sekampung
Mengatur langkah anak watan menuntut ilmu

Pandangan Jeli punya balam bukit bukau
Diteroka, tumbuh mahsul memakmur rakyat
Belentara menjelma tanaman menghijau
Tanah tanih bermutu lambang hidup seikat
Garisannya lebu raya ke utara semenanjung
Mengisi merdeka di bumi ibu kandung.



Bumi paling kaya terkenal Pasir Mas
Saujana mata relung luas mengeluarkan beras
Sepakat kata sentiasa mengembeling tenaga
Daerah pesaka pemondokan ilmu agama
Jelitawannya menarik lembut peribadi bangsa

Kenangan silam mengungkap seribu kesan
Betapa Tumpat menjadi sut landasan
Keretapi menarik gerabak dan menolak asap
Kini bandar sempadan Pengkalan Kubor
Singgahan keluar masuk pelancong melabur



Bachok



Pantai Irama tidak memisahkan lagunya
Sepoi angin Laut China Selatan mendesah
Pagi Bachok paling awal menyambut mentari
Malam suam kita pintas deru laut Tok Bali
Ada kenangan ada ingatan merantai hati

Jika kamu Melayu ingatlah Kota Bharu
Kota berbudaya, penghuni kasihkan kemesraan
Kota Bulatan Tuan Padang menjadi mercu
Tanda sehati merendah diri mendokong iman
Murah barangan, tidak mengejar untung lebih
Mahal nilaian, bukan maknanya suka menindih
Jenguk dampungilah kami di negeri Kelantan
Rakyat Tanah Melayu amat bangga watan.



Jamadilakhir 1425
Kota Bharu Bandaraya Islam.

ABDULHADI MUHAMAD

Majlis Iftar Jama'i'e PMBK & Sumbangan Ramadhan

Oleh Jabatan Komunikasi Korporat
Foto Ahmad Na'ime Muhammad

Ramadhan datang lagi dan sememangnya kedatangannya amat dinanti oleh orang-orang Islam yang dahagakan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda terutamanya di malam al-Qadar yang lebih baik dari seribu bulan.

Beruntunglah mereka yang meningkatkan amal kebajikan dan kebajikan disepanjang bulan yang mana Al-Qur'an diturunkan. Pelbagai program dirancang dan dilakukan oleh pelbagai pihak sepanjang bulan yang merupakan penghulu segala bulan antaranta majlis sumbangan Ramadhan dan majlis berbuka puasa.

Nabi Muhammad SAW adalah seorang yang sangat dermawan pada bulan Ramadhan. Hal ini dapat diperhatikan menerusi satu hadis Nabi daripada Ibn Abbas yang bermaksud: "Rasulullah SAW ialah orang yang paling dermawan dan lebih besar kedermawannya pada bulan Ramadhan ketika Jibrail menemuinya. Jibrail biasanya menemuinya setiap malam Ramadhan, lalu tadarus al Quran (dengan Nabi SAW). Sungguh Rasulullah ketika menemui Jibrail menjadi orang yang lebih bermurah hati dalam memberikan kebaikan sehingga lebih banyak daripada tiupan angin". (Riwayat al Bukhari dan Muslim).

Nabi SAW bersabda maksudnya:
"Barang sesiapa yang memberi makan untuk orang berbuka puasa, baginya pahala orang berpuasa tanpa dikurang sedikitpun dari pahalanya" [HR At-Tirmidzi : 804, Ibnu majah : 1746]



Bertepatan dengan kedua-dua hadis di atas, maka pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan kerjasama Jawatankuasa Bersama Pembangunan Aktiviti Masjid Kota Darulnaim (JaMiL) mengambil inisiatif menganjurkan Majlis Iftar Jama'i'e dan penyampaian sumbangan Ramadhan kepada seramai 270 orang penerima termasuk dari kaum Cina dan India.

Majlis tersebut telah diadakan pada 8 Ramadhan 1432H bersamaan 8 Ogos 2011 bertempat di Masjid Kota Darulnaim dan perkarangan bangunan PMBK. Ia telah disempurnakan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan.

Ia bermula pada jam 5.30 petang dengan tazkirah yang disampaikan oleh ADUN Demit, YB Ustaz Muhamad Mustafa sementara menunggu kehadiran Tuan Guru pada pukul 6.30 petang. Ia telah dihadiri oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), para pengurus dan kakitangan PMBK serta pengurus anak-anak syarikat yang turut dijemput bagi memeriahkan lagi majlis ini.



Objektif utama majlis ini adalah untuk menyuburkan budaya infaq dan bersedekah kepada insan yang lebih memerlukan. Ia perlu sentiasa diadakan agar ianya mekar subur di dalam jiwa setiap kakitangan PMBK. Sesungguhnya Allah SWT menjanjikan pahala yang berlipat ganda sepertimana firmannya:

"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya". - Al Baqarah 2:261

Sementara itu pada 14 Ramadhan 1432H bersamaan 14 Ogos 2011, pihak PMBK telah menganjurkan majlis berbuka puasa untuk kakitangan dan keluarga masing-masing di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan.

Ia bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dan ukhwah di antara para ahli keluarga kakitangan PMBK.

Seramai kira-kira 130 orang termasuk kakitangan PMBK yang dipinjamkan untuk bertugas di anak-anak syarikat PMBK telah menghadiri majlis ini. Ia lebih meriah dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK dan Ketua Pegawai Operasi PMBK beserta keluarga masing-masing.

Suasana yang amat meriah dapat dilihat sepanjang majlis ini diadakan terutamanya dengan pelbagai keletah dan ragam kanak-kanak yang ceria bermain dan berkenalan sesama mereka walaupun ada di antaranya agak keletihan setelah berpuasa sepanjang hari. Semoga majlis ini juga akan menjadi acara tahunan PMBK untuk tahun-tahun mendatang.





KAMI MENYEDIAKAN

- Bas Persiaran
- Bilik Tamu
- Yaskin Fried Chicken
- Umrah / Haji
- Tiket Penerbangan / Keretapi
- Sajian Makanan di Mekah Al Munawwarah (Yaskin Catering) RM 30 Sehari

UNTUK PAKEJ DAN LAWATAN DALAM NEGERI
HARGA : DENGAN RUNDINGAN (NEGOTIABLE)
TEMPAT DUDUK : BAS 24 SEATER
VAN 12 SEATER

TAWARAN ISTIMEWA

PERKHIDMATAN MIKROKREDIT BERLANDASKAN SYARIAH AR-RAHN
 Kami menyediakan perkhidmatan kewangan Islam iaitu sistem gadaian islam, memberikan jalan alternatif kepada muslim untuk memenuhi keperluan kewangan peribadi dan komersil

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kami:
pkb.net.my/arrahn
 atau hubungi kami di **arrahn@pkb.net.my**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT :
HJ. WAN MASNADI (UNTUK RUNDINGAN) : 013-337 9559
HAMID MOHAMAD (PEMANDU) : 013-906 2595
PEJABAT : 09-744 3136, 09-741 2657
EMAIL : yaskintravel@gmail.com & masnadi@maslin.com



MATAWANG SHARIAH

DINAR EMAS & DIRHAM PERAK KELANTAN

"Matawang Shariah Menyempurnakan Ibadah Zakat"



SENARAI PENGEDAR RASMI

Permodalan Kelantan Berhad (PKB)	09-741 4343
Pejabat Koperasi Pasar Besar Siti Khadijah	09-741 9568
Nubex Ventures Sdn Bhd	03-7729 9640
	03-7729 9604
Sahabat Emas Resources Sdn Bhd	019-912 6235
	019-912 2152
Menara Saujana Sdn Bhd	019-263 2475
Bayu Melawi Sdn Bhd	012-901 1422
Saudagar Emas Sdn Bhd	013-358 5240

- Pembayaran Gaji
- Pembayaran Zakat
- Mas Kahwin
- Perniagaan

Piawaian bagi setiap 1 keping dinar alah 1 mithqal bersamaan dengan 4.25 gram emas berketulenan 22 karat (917). Piawaian menurut berat tersebut turut dikenali sebagai Piawaian Khalifah Umar Al-Khattab



KELANTAN GOLDEN TRADE SDN BHD
 LOT 3-14 TINGKAT 3 KB BAZAR, JALAN HAMZAH
 15150 KOTA BHARU KELANTAN
 TEL: +609 744 1901 FAKS: +609- 744 1902

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

daripada
**Pengurus Besar, Pengurus,
 dan Kakitangan PMBK SAWIT**



قمر بک ساویت سنڊیریان برحد
PMBK SAWIT SDN. BHD.
 (DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN)

Rosham Corporation



Skim Bantuan IMAM AL-GHAZALI

Oleh Shariah Derahman

Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) merupakan sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan ekonomi Negeri Kelantan melalui projek-projek pembangunan infrastruktur, industri, perbandaran, perniagaan dan juga kebajikan rakyat di negeri ini.

Bagi menyempurnakan lagi penubuhan PMBK yang berpegang kepada prinsip kebajikan rakyat diutamakan selaras dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri, PMBK mengambil tanggungjawab untuk membela nasib pelajar-pelajar yang mempunyai potensi cemerlang di dalam bidang akademik.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Kelantan melalui PMBK telah mengadakan Skim Bantuan Imam Al-Ghazali sebagai salah satu Program Tanggungjawab Sosial (Corporate Social Responsibility) berupa bantuan kepada pelajar miskin yang cemerlang di bawah sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan memenuhi kriteria tambahan yang telah ditetapkan oleh pihak PMBK.

Program ini telah memasuki tahun ketiga semenjak ia dilancarkan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan pada 2 Jamadil Akhir 1430H bersamaan 27 Mei 2009.

Seramai 50 orang pelajar baru bagi sesi 2011/2012 yang telah dipilih bagi menggantikan 50 orang pelajar bagi sesi 2010 yang telah tamat pengajian.



Mereka telah menerima sijil, kad ATM dan buku akaun simpanan Bank Islam Malaysia Berhad. Setiap pelajar akan menerima wang bantuan yang telah dikreditkan ke akaun masing-masing berjumlah RM50.00 bagi setiap bulan selama 2 tahun.

Pada majlis tersebut, Penolong Pengarah Perkhidmatan Guru YIK melahirkan rasa penghargaan kepada kerajaan negeri dan PMBK yang telah sama-sama mengembeleng usaha dalam memajukan pencapaian pendidikan di Kelantan dan ianya menjadi satu ransangan serta motivasi kepada anak-anak untuk meneruskan pelajaran mereka.



Sesi pendaftaran pelajar

Hasil daripada kerjasama di antara YIK dan semua pihak yang terlibat, kini makin ramai pelajar yang cemerlang sehingga ke peringkat nasional dapat dihasilkan oleh YIK.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah, Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah yang turut hadir mengucapkan tahniah kepada PMBK dan pihak yang terlibat kerana sekali lagi telah berjaya meneruskan sumbangan ini sehingga tahun ketiga.

Bantuan kepada pelajar cemerlang dalam bentuk kewangan menjadi pendorong kepada pelajar untuk belajar dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan pencapaian mereka

"Tahniah juga kepada pelajar yang mendapat sumbangan dan semoga dapat memanfaatkan dengan sebaik mungkin bantuan yang telah diberi," ujar beliau.

PMBK sebagai sebuah agensi kerajaan bertanggungjawab untuk membela pelajar-pelajar yang mempunyai potensi cemerlang tetapi kurang berkemampuan.

"Dengan adanya bantuan seumpama ini, adalah diharapkan ianya dapat membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang akan datang, dan semoga sumbangan ini dapat diteruskan sampai bila-bila serta bertambah bilangan pelajar/penerima sumbangan ini", ujar Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK.



Sesi penyampaian hadiah

LAWATAN PMBKedah Ke PMBK

Oleh Shariah Derahman

Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Jamuan tengahari kediaman Tok Guru

Satu siri lawatan Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKedah) ke Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah diadakan pada 22 hingga 23 Rabiul Akhir 1432H bersamaan 27 hingga 28 Mac 2011.

Pada hari pertama siri lawatan ini, delegasi daripada PMBKedah telah menyertai taklimat yang diadakan bersama-sama pengurus-pengurus anak syarikat bagi mengetahui perjalanan dan urus tadbir anak-anak syarikat.

Siri lawatan ini telah disertai oleh enam orang pegawai PMBKedah yang diketuai oleh Tuan Hj Abdul Rahman Dai merangkap Ketua Pegawai Kewangan PMBKedah.



Pihak pengurusan PMBKedah mengadakan lawatan sambil belajar ke PMBK bagi tujuan meninjau serta bertukar-tukar pandangan mengenai beberapa urusan pentadbiran dan tata-urus anak-anak syarikat yang berada di bawah seliaan PMBK.

Delegasi ini juga sangat bertuah apabila menerima jemputan daripada Pengerusi PMBK iaitu Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk menjamu selera di kediaman beliau sempena majlis kesyukuran yang diadakan.

Tidak ketinggalan juga lawatan ke Bazar Tok Guru yang bakal menjadi mercu tanda perniagaan baru di Kota Bharu.

Semoga dengan lawatan yang diadakan ini dapat menjalinkan hubungan sekali gus mengeratkan hubungan kerjasama di antara kedua buah Perbadanan ini.

Manakala pada hari kedua pula, siri lawatan ini diteruskan dengan lawatan ke beberapa buah anak syarikat iaitu Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd, Kelantan Golden Trade Sdn Bhd, Darul Digital Multimedia Solution Sdn Bhd, Kifaalah Sdn Bhd dan PMBK Sawit Sdn Bhd di Pasir Mas bagi mengetahui tentang urustadbir ladang.

Lawatan ini telah disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK dan Ketua Pegawai Operasi serta pengurus-pengurus PMBK dan anak-anak syarikat.



Taklimat bersama pengurus anak syarikat dan PMBK Kedah

Cenderamata dari CEO PMBK



MAJLIS PELANCARAN RUMAH KOS RENDAH PMBK

Oleh Shariah Derahman

Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) merupakan sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan ekonomi Negeri Kelantan melalui projek-projek pembangunan infrastruktur, industri, perbandaran, perniagaan dan juga kebajikan rakyat di negeri ini.

"Kebajikan rakyat diutamakan" merupakan prinsip asas penubuhan PMBK. Ia selaras dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri. Untuk merealisasikan matlamat tersebut PMBK mengambil tanggungjawab untuk menyediakan perumahan dan kediaman yang mampu dimiliki oleh rakyat dengan kos yang murah.



Tujuannya utama adalah untuk menyediakan kemudahan perumahan yang sempurna kepada golongan berpendapatan rendah dengan menawarkan harga rumah yang bersesuaian dan berpatutan dengan kemampuan rakyat negeri ini, di samping turut menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan sosial.

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat memutuskan pelancaran Rumah Kos Rendah PMBK perlu dilaksanakan dengan segera, dan 15 Mei lalu telah dipilih sebagai hari pelancaran Rumah Kos Rendah PMBK.

Majlis diadakan di Desa Wadi Iman, Mukim Mahang West, Kok Lanas, dimulai dengan solat hajat yang diimamkan Tuan Guru sendiri dengan dihadiri penduduk setempat dan warga Kelantan yang berminat untuk mendapatkan kediaman tersebut.



Tuan Guru Nik Aziz menyempurnakan upacara mengikat bata

PMBK telah memperuntukkan sebanyak 128 buah rumah dengan harga yang amat berpatutan untuk rakyat Kelantan.

Pada majlis itu Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat memaklumkan "Kerajaan Negeri membelanjakan RM50 juta bagi tempoh 2006 hingga 2010 di bawah Program Rumah Mampu Milik. Permintaan dan keperluan rumah kos rendah di negeri ini masih tinggi dan kerajaan negeri sedaya mungkin cuba memenuhi keperluan tersebut.

Kerajaan Negeri Kelantan memerlukan 6,364 unit rumah untuk menampung keperluan golongan berpendapatan rendah, termasuk 2,800 di jajahan Kota Bharu"

"Kita percaya masih banyak lagi rumah kos rendah diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah di negeri ini dan kerajaan cuba sedaya upaya memenuhinya dengan kemampuan yang terhad kerana masalah peruntukan," ujar beliau.

Pada majlis pelancaran tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerja Raya, Utiliti dan Alam Sekitar, Mej (B) Dato' Md Anizam Abd Rahman berkata Kerajaan Negeri akan memastikan setiap projek perumahan yang dilaksanakan tidak terbengkalai. "Ini perlu bagi mastikan matlamat dasar dan konsep kerajaan negeri iaitu satu rumah satu keluarga tercapai."



Tuan Guru Menteri Besar melihat contoh rumah yang bakal dibina

PMBK sebagai sebuah agensi kerajaan bertanggungjawab untuk membela rakyat yang kurang berkemampuan mengambil langkah sewajarnya dengan menyediakan kediaman yang selesa dan selamat serta mampu milik dengan kos yang amat berpatutan. Dengan adanya Rumah Kos Rendah PMBK ini, adalah diharapkan ianya dapat membantu rakyat negeri Kelantan memiliki kediaman yang selesa.





Para peserta melihat dirham yang dipamerkan

LAWATAN DELEGASI SINGAPURA KE PMBK

Oleh Shariah Derahman

Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Hari Jumaat yang penuh berkat pada 15 Rejab 1432 bersamaan 17 Jun 2011 telah dipilih sebagai hari lawatan ilmiah oleh delegasi daripada Masjid Alkaff Kampung Melayu (MAKM), Singapura ke Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Lawatan yang telah diketuai oleh Pegawai Eksekutif Jabatan Pendidikan MAKM ini diadakan bersempena dengan Program Rehlah Kelantan Serambi Mekah selama dua hari iaitu bermula pada 17 hingga 18 Jun 2011.



Siri lawatan tersebut turut melibatkan Kelantan Golden Trade Sdn Bhd (KGT) kerana tujuan lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan informasi dan penjelasan daripada pihak KGT mengenai Dinar dan Dirham Kelantan disamping mengetahui serba sedikit tentang ekonomi Islam dan proses pembuatan Dinar dan Dirham Kelantan.

Lawatan ini telah disertai oleh lebih kurang 40 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Ini menunjukkan kesedaran tentang penggunaan dinar dan dirham telah meluas dan mendapat perhatian masyarakat di Singapura.

Ia menunjukkan satu petanda baik bahawa penggunaan Dinar dan Dirham Kelantan mendapat sambutan sehingga ke luar Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.

Satu sesi soal jawab diadakan bersama Pengarah Urusan KGT iaitu Puan Hjh Nik Mahani Mohamad bagi memberi peluang kepada para peserta berkongsi idea dan maklumat tentang dinar dan dirham serta merungkakan persoalan yang bermain di minda mereka mengenai Dinar dan Dirham Kelantan.

Sebelum berangkat pulang, para peserta lawatan mengambil peluang mendapatkan Dinar dan Dirham Kelantan yang dijual pada hari tersebut sambil menikmati beberapa juadah masakan Kelantan iaitu laksam, kuih akok dan sebagainya.



Penyampain cenderamata daripada KGT

Taklimat daripada Ketua Pegawai Operasi





Pameran PMBK DAN KUMPULAN DI KELCHEFF 2011 & Perakan

Pada bulan Julai 2011, Kerajaan Negeri telah menganjurkan dua program yang merupakan julung-julung kalinya diadakan iaitu Festival Makanan Antarabangsa Cheng Ho (Kelceff) dan Program Ijtima' bersama Persatuan Anak Kelate di Perantauan (PERAKAN). Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah turut memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Negeri Kelantan dengan melibatkan diri secara langsung di dalam kedua-dua program tersebut.

Kelceff telah berlangsung dari 14 hingga 23 Julai 2011 di tapak bersebelahan dengan Bazar Tok Guru milik PMBK yang telah mula beroperasi pada 1 Julai 2011. Ia adalah hasil ilham oleh Dato' Hj. Husam Musa, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan. PMBK telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penajaan yang bertanggungjawab dalam mencari penajaan dari agensi-agensi kerajaan dan badan-badan korporat.

Kelceff 2011 telah dirasmikan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan di mana beliau telah menyatakan bahawa hubungan antarabangsa dapat dilihat kesan dari makanan yang diterjemahkan oleh setiap negara dimana ianya tidak dapat dibuat oleh masyarakat tempatan. Akhirnya dengan adunan melalui program ini, masing-masing dapat membuat sendiri masakan dari luar negara.

Festival ini adalah kesinambungan dari Ekspo Cheng Ho yang telah berjaya diadakan dengan gilang-gemilang pada bulan November 2010 yang lepas. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat Negeri Kelantan merasai kepelbagaian masakan antarabangsa. Para peserta masakan didatangkan dari pelbagai negara seperti China, Indonesia, Thailand, Kemboja, India, Taiwan, Palestin dan Iran. Sebanyak 26 gerai makanan telah disediakan dengan tarikan utamanya ialah mee tarik buatan tangan oleh para peserta dari Xinjiang, China sementara chef jemputan untuk festival ini ialah Master Chef Sabri Hasan dan Chef Ismail.

Pelbagai aturcara telah disusun sempena festival ini antaranya ialah demo masakan antarabangsa dan tempatan, persembahan kesenian dan kebudayaan, ceramah agama dan pameran oleh agensi-agensi kerajaan dan badan-badan korporat. PMBK serta anak-anak syarikat seperti Darul Digital Multimedia Solution Sdn Bhd, Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd dan Kelantan Golden Trade turut terlibat dalam menjayakan pameran ini yang bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Seramai 40,000 pengunjung dianggarkan telah menghadiri festival ini sepanjang 10 hari ia dilangsungkan.



Manakala pada 30 Julai 2011, PMBK sekali lagi terlibat dalam menjayakan sebuah program kerajaan negeri iaitu Program Ijtima' bersama PERAKAN yang telah berlangsung di Stadium MBPJ di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Program sehari ini telah bermula pada 9 pagi dan dirasmikan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan dan turut dihadiri oleh barisan kepimpinan negeri Kelantan.

Tuan Guru dalam ucapannya telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada anak-anak Kelantan di perantauan yang sanggup pulang ke Kelantan pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 bagi memastikan kemenangan besar kerajaan pimpinan ulama untuk terus mentadbir negeri Kelantan yang telah melangkaui 20 tahun pada bulan Oktober 2010. Seterusnya Tuan Guru menyeru agar mereka terus memberikan sokongan kepada kerajaan Kelantan sekarang pada PRU ke-13 yang akan diadakan tidak lama lagi. "Rakyat negeri ini (Kelantan) perlu pulang mengundi walau di mana mereka berada dan dengan apa cara sekali pun," ujarnya lagi.



Tujuan utama program ini diadakan ialah bagi memberikan kesempatan dan peluang kepada rakyat Kelantan di perantauan untuk bermesra dan mengenali kepimpinan negeri dan agensi-agensi kerajaan negeri dengan lebih dekat lagi. PMBK dan enam lagi anak syarikatnya iaitu Kifaalah Sdn Bhd, Air Kelantan Sdn Bhd, Tunjong Development Corporation Sdn Bhd, Kelantan Golden Trade Sdn Bhd, Majaari Services Sdn Bhd, dan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd turut menyertai agensi-agensi kerajaan negeri yang lain dalam pameran tersebut.

Pelbagai acara telah diadakan sepanjang program ini termasuk kuiz loghat Kelate, persembahan seni budaya (dikir barat), penyampaian sumbangan, interaktif bersama pemimpin, kuliah Maghrib dan bekwoh (kenduri) anak Kelate di mana hadirin telah dihidangkan dengan nasi gulai kawah serta pelbagai buah-buahan tempatan.



Time Tunnel Terowong Masa

Sumber dan foto ehsan
Perbadanan Muzium
Negeri Kelantan

dulu...

PINTU HADAPAN ISTANA BALAI BESAR

**Pesta belaga lembu di hadapan Istana Balai Besar
Kota Bharu dalam tahun 1902**

*The bull fighter contest in front of Istana Balai Besar,
Kota Bharu in 1902*



kini...

**PINTU HADAPAN
ISTANA BALAI BESAR**

Pintu hadapan Istana Balai Besar sekarang 2011
Istana Balai Besar entrance 2011

KELANTAN ENCYCLOPEDIA

by Corp. Comm. Division



Dabar (Collar)

In clothing, a collar is the part of a shirt, dress, coat or blouse that fastens around or frames the neck. A collar may also be a separate or detachable accessory worn around the neck. Also refers to the word 'double' with Kelantanese pronunciation.

Cucor (Balance or Change of money)

It's not referring to 'kuih', but the balance of money after being divided or the change of money after being used.

Pendir (Belt)

A belt is a flexible band or strap, typically made of leather or heavy cloth, and worn around the waist to support trousers or other articles of clothing. However seatbelts are not called 'pendir'.



Jelok (Basin)

A container made from metal, plastic or any other materials used to contain water.

Jenero (Nap)

Taking a nap or falling asleep.



Kenaling (Nervous)

Highly excitable, unnaturally or acutely uneasy or apprehensive.



Geghak (Rake)

An agricultural implement with teeth or tines for gathering trimmed grass, hay, or the like or for smoothing the surface of the ground. Not to be used to sweep dust.

Murih (Anger)

Anger is an emotion related to one's psychological interpretation of having been offended, wronged or denied and a tendency to undo that by retaliation. It also describes as a normal emotion that involves a strong uncomfortable and emotional response to a perceived provocation.



Jelira (Contented-related to food)

The feeling of content and satisfaction over a good meal.

Jirek (Tread)

To step, walk, or trample so as to press, crush, or injure something (usually followed by on or upon).



Kelih (Watch/See)

To perceive with the eyes; look at. To be alertly on the lookout, look attentively, or observe, as to see what comes, is done, or happens.

Kubey Lembey (Messy)

Characterized by a dirty, untidy, or disordered condition.



Pekong (Throw)

To propel or cast in any way, especially to project or propel from the hand by a sudden forward motion or straightening of the arm and wrist



Ngekkoh (Akikah)

Aqiqah (Arabic for sacrifice), is defined as the animal that is slaughtered on the occasion of child birth. The best time to perform Aqiqah is on the seventh day after the birth of the baby to show our gratefulness to Allah.

Pekdoh (Benefit) : Something that is advantageous or good. An advantage.

Sero (Feel or Taste)

To try or test the flavor or quality of (something) by taking some into the mouth. To have a sensation of (something), other than by sight, hearing, taste, or smell. To feel sympathy for or compassion toward; empathize with. To give opinion. To think and give comments.

Sengoti (Truth)

The true or actual state of a matter. Conformity with fact or reality; verity. A verified or indisputable fact, proposition, principle, or the like.



Singo Beng (Lemonade)

A beverage consisting of lemon juice, sweetener, and water with ice. Sweet and sour.

Tohok (Toss)

To throw, pitch, or fling, especially to throw lightly.



Saka (Sugar)

Sugar is a sweetener used to change the taste and substance of food and drinks. Generally, non-scientists use the word 'sugar' to describe sucrose, a crystalline disaccharide in white.



HIJRAH...



BAZAR TOK GURU

KUNJUNGI **KLATE** PUSAT JUALAN PRODUK

- * BATIK, KAIN TUDUNG, PAKAIAN MUSLIMAH
- * MAKANAN (BUDU, SAMBAL DAGING, KEROPOK, MAKANAN SEGERA)
- * HASIL SENI & KRAFTANGAN (EMAS, PERAK, UKIRAN KAYU)
- * PRODUK KOSMETIK DAN AKSESORI KECANTIKAN
- * LAIN-LAIN (ALAT TULIS, BUKU, MAJALAH)

TINGKAT 1
8' X 10' PER UNIT
RM 92,000⁰⁰

TINGKAT 2
8' X 10' PER UNIT
RM 84,000⁰⁰



**REBUT SEGERA!
PELUANG INI!**



قَرْدَانِن مَنْتَرِي بَسْرِكَلَنْتَن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my

UNTUK KETERANGAN LANJUT,
SILA HUBUNGI:

09-747 4545
013-907 3209
014-507 9001

PEJABAT URUSAN: Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan Tel: 09-747 4082 / 09-747 4545 Faks: 09-747 7815
Web: www.pmbk.gov.my/e-hartanah E-mel: marketing_pmbk@yahoo.com